

Laporan
ANUGERAH KUALITI NAIB CANSOLOR
AKNC





اَوَّلُ رِسَالَةٍ تَكُونُ لَوَيْلَى مَارَا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

LAPORAN ANUGERAH KUALITI NAIB CANSELOR (AKNC)

2023

FAKULTI PENGURUSAN PERNIAGAAN
PENYELIDIKAN & PENERBITAN DAN
PENGKOMERSILAN

KETUA PTJ :

FIRDAUS ABDULLAH @ KENNETH KEVIN AKEU

KETUA UNIT KUALITI :

ROSINTANSAFINAS BINTI MUNIR

PENYELARAS :

AZHAN RASHID BIN SENAWI

PENULIS :

1. AZHAN RASHID BIN SENAWI
2. UMAIRA BINTI OTHMAN KOYA
3. MOHAMMAD ZULFAKHAIRI BIN MOKTHAR
4. ZAHARIAH BINTI SAHUDIN
5. HASNI BINTI ABDULLAH
6. NORASHIDA BINTI OTHMAN
7. NORINA BINTI AHMAD JAMIL

8. NORSALIZA BINTI ABU BAKAR
9. ROSLINA BINTI MOHAMAD SHAFI
10. ARIFF AZLY BIN MUHAMED
11. AZRIN BINTI ALI
12. ROSINTANSAFINAS BINTI MUNIR
13. YVONNE ANG SU MING
14. ROSMAN BIN YAHYA
15. NUR ZAHIDAH BINTI BAHRUDIN
16. RAFIATUL ADLIN BINTI MOHD RUSLAN
17. SALINA BINTI IBRAHIM
18. SITI ZAITUN BINTI SADDAM
19. ZAHIRAH BINTI HAMID GHUL
20. NORLIZA BINTI CHE YAHYA
21. NURHUDA BINTI HAJI NIZAR
22. AZREEN BINTI ROSLAN
23. ZETTY ZAHUREEN BT MOHD YUSOFF
24. NURUL SYIFAA BINTI MOHD SHAKIL
25. MUHAMMAD BIN OMAR

KRITERIA 1 : KEPIMPINAN

1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Melalui slogan **FBM Awesome** dan matlamat membawa **fakulti terbesar di Malaysia** dan mempunyai bilangan pelajar teramai ini ke persada dunia, Fakulti Pengurusan dan Perniagaan (FPP) sangat bertuah apabila **diketuai oleh seorang Dekan yang fokus untuk mencipta kejayaan dan kecemerlangan warganya**.

Kepimpinan beliau bertambah gah dengan bantuan 4 orang Timbalan Dekan, ditempatkan di Bahagian Akademik, Hal Ehwal Pelajar, Penyelidikan dan Inovasi serta Jaringan Industri dan Alumni. Pelantikan beberapa orang pentadbir akademik sebagai Koordinator, Penyelaras, Ketua dan Ahli Jawatankuasa tertentu dalam aktiviti berkaitan akademik, penyelidikan & penerbitan, pengurusan pelajar dan alumni serta jaringan industri samada dalam dan luar negara telah membantu menggerakkan fakulti mencapai kecemerlangan.

FPP terus cemerlang kerana sumbangan besar dari **296 orang staf akademik berprestasi tinggi** yang terlibat sepenuhnya dalam aktiviti fakulti. Timbalan Pendaftar Kanan bersama **39 orang staf pentadbiran pula merupakan nadi utama** dan berperanan menguruskan aktiviti pentadbiran dan pengurusan sumber manusia yang lebih strategik.

Kepimpinan yang dinamik, berkaliber dan berwawasan tinggi merupakan tunggak FPP untuk merealisasikan pencapaian di bawah Perancangan Strategik UiTM 2025 yang bermatlamat untuk menjadikan UiTM universiti terkemuka dunia. Seiring dengan aspirasi tersebut kepimpinan FPP telah meletakkan aspek penyelidikan & penerbitan dan pengkomersilan yang berimpak tinggi sebagai agenda utama mencapai hasrat ini.

Unit Penyelidikan dan Inovasi atau lebih dikenali di kalangan warga sebagai RENOVA merupakan unit yang dibentuk untuk merangka dan menjayakan inisiatif strategik bagi meningkatkan kecemerlangan FPP melalui pembudayaan dan pembangunan aktiviti penyelidikan & penerbitan dan pengkomersilan dalam kalangan warganya. Pelbagai inisiatif telah dirangka di bawah **Perancangan Strategik FPP (Blueprint FPP2022)** bagi merealisasikan usaha menjadikan penyelidikan dan penerbitan berimpak tinggi. **Inisiatif monitor, enforce & execute (MEE) telah dijenamakan semula sebagai Projek Rising Stars di FPP** merupakan inisiatif terbesar yang telah berjaya membudayakan aktiviti penyelidikan & penerbitan dan pengkomersilan yang fokus kepada pencapaian inisiatif.

Inisiatif yang dirancang ini telah berjaya membantu mewujudkan kesedaran bahawa **penyelidikan berkualiti tinggi boleh dihasilkan oleh warga akademik walaupun dalam fakulti di bawah Gugusan Sains Sosial iaitu dengan sistem sokongan yang padu**. Melalui inisiatif ini juga warga akademik berjaya mengenalpasti penyelidikan yang lebih relevan dan berimpak tinggi. Selain itu, inisiatif ini telah membantu warga akademik melaksanakan aktiviti penyelidikan yang berpotensi untuk diterbitkan dalam jurnal antarabangsa dan berimpak tinggi. Inisiatif ini juga telah berjaya menggalakkan penyelidik muda dalam kalangan warga akademik menghasilkan idea penyelidikan yang baharu dan menepati keperluan semasa.

Kejayaan inisiatif ini dapat dilihat apabila ianya dipantau dengan lebih berkesan oleh kepimpinan FPP. Jawatankuasa Penyelidikan Fakulti (JPF) yang dipengerusikan oleh Dekan ditubuhkan untuk menyaring dan memantau inisiatif yang telah dirancang. **Kepimpinan FPP yang tangkas dan mampan dalam melakukan pemantauan telah berjaya mengubah landskap aktiviti penyelidikan dan penerbitan di fakulti**.

Keberkesanan ini dapat dilihat dengan kejayaan fakulti yang telah berjaya mencapai anugerah seperti, **Anugerah Insentif kecemerlangan kategori PI063 dan PI017, Skor-i UiTM 91% (6 Star), UiTM Technoventure (UTV) Consultation Award 2021 & 2022 (dua tahun berturut-turut) dan juga Employers' Preferred University Award 2023 daripada Talentbank Group**. Kebijakan kepimpinan FPP serta bukti melalui kejayaan yang dicapai dari sokongan dan keterlibatan semua staf telah menjadikan FPP berdiri megah dan

meningkatkan ketampakannya di persada antarabangsa.

1.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Pengurusan Kanan FPP mengambil pendekatan yang sangat **proaktif** dalam **meningkatkan keberhasilan penyelidikan dan penerbitan**. Bagi memastikan aktiviti penyelidikan dan penerbitan mencapai mutu yang berimpak tinggi, **perancangan dan pelaksanaannya** telah diletakkan di bawah portfolio **RENOVA**. Struktur pengurusan penyelidikan **RENOVA** berperanan mengukuh dan **meningkatkan kuantiti dan kualiti penyelidikan, penerbitan inovasi dan pengkomersilan** bagi memartabatkan **FPP** sebagai fakulti berteraskan penyelidikan **selaras dengan wawasan GRU 2025**. Pengurusan Kanan Fakulti bersama dengan **RENOVA** telah **mengambil inisiatif mewujudkan Koordinator Penyelidikan dan Koordinator Geran** untuk menggerakkan aktiviti penyelidikan dan penerbitan **disokong oleh tujuh (7) penyelaras khas** yang dilantik untuk memperkasakan agenda kerja-kerja penyelidikan, penerbitan dan inovasi seperti di Gambar Rajah 1.2.1.

Selain daripada memperkukuhkan peranan **RENOVA**, **Pengurusan Kanan Fakulti** juga telah **mengambil pelbagai langkah yang strategik** bagi **meningkatkan hasil penyelidikan dan penerbitan di FPP**. Ia seiringan dengan aspirasi UiTM **untuk menjadikan UiTM bertaraf GRU 2025**. Justeru, Pengurusan Kanan FPP telah menetapkan penerbitan dan penyelidikan sebagai agenda utama dalam mencapai visi, misi dan hala tuju FPP. (Gambar Rajah 1.2.2)

Antara program galakan penyelidikan dan penerbitan yang telah diusahakan ialah:

1. **Bengkel penulisan dan penerbitan berkala**
2. **Bengkel Penerbitan Penyelia-Pelajar**
3. **Program Rising Stars atau MEE (Monitor, Enforce, Execute)**
4. **Bengkel Penyediaan Kertas Cadangan Geran Penyelidikan**
5. **Penerbitan Special Issue Journal, dan**
6. **Webinar Berfokus**

Program **Rising Stars** sebagai contoh, telah dijenama semula daripada program **MEE** sebagai inisiatif fakulti dalam **memupuk budaya kritis dan memupuk motivasi tinggi di kalangan pensyarah dalam penulisan dan penerbitan**. Inisiatif ini diambil cakna bagi mengendalikan pensyarah yang berpotensi untuk menterjemahkan idea mereka dalam bentuk penulisan dan penerbitan. Di peringkat fakulti, ia telah **melibatkan beberapa mentor** yang akan membimbing pensyarah mempergiatkan penghasilan penulisan dan penerbitan artikel **bagi membantu** fakulti dan universiti **mencapai sasaran GRU 2025** sekaligus **melonjakkan prestasi ranking universiti bagi QS University Ranking, Malaysia Research Assessment (MyRA), Times Higher Education, dan SETARA**. (Jadual 1.2.1)

Kesinambungan daripada **Rising Stars**, **Pengurusan Kanan FPP** seterusnya mengambil langkah proaktif **memberikan peluang** kepada pensyarah-pensyarah memulakan **penerbitan** di dalam **edisi Special Issue** agar sasaran penerbitan tahunan dapat dicapai. (Gambar Rajah 1.2.3)

Disamping itu juga, **Pengurusan Kanan FPP** mengambil inisiatif untuk **bekerjasama dengan agensi kerajaan dan swasta demi meningkatkan usaha penyelidikan di FPP**. Antara usaha ke arah itu ialah pengenalan **geran dan konsultasi** seperti matching grant dengan universiti luar negara dan tempatan, kolaborasi penyelidikan serta inisiatif **industry engagement**. (Jadual 1.2.2)

Manakala **bagi menggalakkan inovasi dalam penyelidikan**, inisiatif untuk mengadakan **pertandingan inovasi dengan kerjasama universiti nasional dan industri juga diadakan** untuk merangsang kreativiti para pensyarah dalam menghasilkan sesuatu yang boleh memberikan impak kepada mutu pengajaran dan pembelajaran.

Galakan dan rangsangan penyelidikan juga digarap dengan **bengkel-bengkel geran luar negara** yang boleh memberikan impak yang sangat luas kepada budaya penyelidikan yang bertaraf dunia seiring dengan wawasan GRU 2025. Antaranya ialah **Klinik Geran ERASMUS** yang memberikan pendedahan tentang penyediaan draf penulisan yang baik untuk kertas kerja cadangan.

SENARAI BUKTI:

1. [F0023_K01_KB02_20231_Gambar Rajah 1.2.1 - Carta Organisasi RENOVA.pdf](#)
2. [F0023_K01_KB02_20232_Gambar Rajah 1.2.2 - Galakan 3P.pdf](#)
3. [F0023_K01_KB02_20233_Jadual 1.2.1_Sesi MEE.pdf](#)
4. [F0023_K01_KB02_20234_Gambar Rajah 1.2.3 - Special Issues.pdf](#)
5. [F0023_K01_KB02_20235_Jadual 1.2.2 - Consultant Report.pdf](#)

1.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Pengurusan Kanan sentiasa menggalakkan para pensyarah untuk **menghasilkan penyelidikan dan penerbitan yang berkualiti dan berimpak tinggi**. Beberapa langkah dan strategi telah diambil bagi mencapai objektif tersebut. Gambar Rajah 1.3.1 menunjukkan beberapa **strategi yang telah dirangka** dan disusun bagi **memastikan hala tuju dapat dilaksanakan dan dicapai**.

Perancangan strategik tahunan ini telah dilaksanakan dan ia **menjadi panduan** ke arah **keberhasilan kuantiti penyelidikan dan penerbitan yang bermutu**. Melalui **perancangan** ini pelbagai aktiviti telah diterjemahkan dalam bentuk **bengkel dan mesyuarat** iaitu:

- a. **Bengkel penulisan *Rising Stars*** dan **motivasi penulisan setiap Jumaat** sebagai hari menulis.
- b. **Sesi semakan penerbitan bersama Dekan (6 bulan sekali)**, (Gambar Rajah 1.3.2)
- c. **Penekanan nilai etika penyelidikan dan penerbitan**, yang disebarkan melalui **email, whatsapp** dan juga **mesyuarat staf-Dekan kepada semua staf FPP**.

Kepimpinan FPP juga berkolaborasi dengan **universiti antarabangsa dan nasional** seperti:

- a. **Penganjurkan konferensi dan seminar bertaraf antarabangsa dan nasional** sebagai inisiatif penjana pendapatan
- b. **Memeterai perjanjian melalui MoA dan MoU** (universiti dalam dan luar serta industri)
- c. **Menyelaras aktiviti pertandingan inovasi hasilan penyelidik dan pelajar FPP**

Dalam mempertingkatkan **strategi dalam memperkasakan keberhasilan penyelidikan dan penerbitan yang berkualiti**, Pengurusan Kanan FPP berusaha membudayakan aktiviti penyelidikan seperti **menggalakkan keanggotaan dalam Entiti Kecemerlangan seperti Research Group (RG) dan Research Interest Group (RIG)**. Sebanyak 2 RG dan 10 RIG telah didaftarkan bagi mengemudi FPP dalam merencanakan aktiviti penyelidikan dan penerbitan. (Jadual 1.3.1)

Bengkel-bengkel ilmu (akademia ataupun industri) juga **diusahakan bagi menyemarakkan perhubungan dan penyelidikan universiti dan industri**. Ini dapat dilihat apabila **banyak MoU dan MoA telah dimateri** bersama industri. (Jadual 1.3.2). Aktiviti-aktiviti seperti bengkel penilaian geran samada dalaman, kebangsaan, antarabangsa dan swasta turut diadakan sepanjang tahun bagi menganjak kedudukan fakulti khususnya dan umumnya UiTM ke mata dunia menerusi pelbagai dimensi 3P.

Manakala dalam **skop pembangunan mutu penulisan**, **Pengurusan Kanan FPP** telah **menjadualkan bengkel penulisan jurnal secara berkala** untuk membantu penyelidik menghasilkan penerbitan yg berimpak tinggi. (Gambar Rajah 1.3.4)

SENARAI BUKTI :

1. [F0023_K01_KB03_20231_Gambar Rajah 1.3.1 - Inisiatif Strategik.pdf](#)
2. [F0023_K01_KB03_20232_Gambar Rajah 1.3.2 - Semakan Prestasi Penerbitan.pdf](#)
3. [F0023_K01_KB03_20233_Jadual 1.3.1 - Senarai RG_RIG FPP.pdf](#)
4. [F0023_K01_KB03_20234_Jadual 1.3.2 - Mou_Moa.pdf](#)
5. [F0023_K01_KB03_20235_Gambar rajah 1.3.4 - Bengkel Penulisan Journal Berkala.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

1.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Pengurusan Kanan FPP telah membentuk kaedah **pemantauan yang strategik dan bersistematik** dalam mengenal pasti kejayaan dan menilai punca kegagalan suatu inisiatif. Kaedah pemantauan yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

1. Pemantauan aktiviti penyelidikan & penerbitan secara berkala

Pengurusan Kanan RENOVA sentiasa **memupuk kesedaran** kepada penyelidik tentang kepentingan menerbitkan hasil penyelidikan **agar mendapat pengiktirafan dan meningkatkan kebolehlihatan FPP**. Hal ini akan membuka peluang kepada penyelidik untuk menjadi pakar rujuk dan perunding bagi konsultasi.

Antara **agenda yang direncanakan** bagi meningkatkan aktiviti penyelidikan dan penerbitan serta meningkatkan pencapaian FPP adalah seperti berikut:

1. Membantu setiap pensyarah untuk mencapai **penerbitan dalam jurnal berindeks sebagai corresponding author**.
2. **Membimbing pensyarah** yang belum menerbit dalam jurnal berindeks.
3. Menyediakan **peluang penerbitan dalam jurnal berindeks** melalui penerbitan special issues.
4. Menawarkan **insentif penerbitan** kepada pensyarah
5. Mengadakan **bengkel-bengkel penyelidikan dan penerbitan**.

Hasil daripada pemantauan data pencapaian FPP, **beberapa inisiatif telah dirangka** iaitu:

1. ***Program Rising Stars***
2. ***Program 1 staff; 1 grant***
3. ***Research Beyond Boundaries***

2. Pemantauan pencapaian KPI dan petunjuk prestasi penyelidikan & penerbitan

Dalam Pelan Perancangan Strategik FPP, penyelidikan dan inovasi diletakkan sebagai teras 3 dengan beberapa petunjuk prestasi untuk dicapai dari tahun 2020, 2021 dan 2022. Bagi memastikan setiap petunjuk prestasi dicapai, **Pengurusan Kanan** telah **melantik penyelaras** setiap petunjuk prestasi.

Penyelaras bertanggungjawab **melaksanakan program-program yang telah ditetapkan untuk mencapai petunjuk prestasi** (Gambar Rajah 1.4.1). Selain itu bagi memastikan pemantauan yang sistematik dilaksanakan pengurusan kanan juga menubuhkan beberapa jawatankuasa yang bertanggungjawab untuk memantau dalam memperkasakan agenda 3P (Jadual 1.4.1). Antara jawatankuasa yang membantu menggerakkan inisiatif dalam membantu proses pemantauan dan pencapaian prestasi ialah Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Fakulti (JKEF), Mesyuarat PPSM, Mesyuarat Tabung Amanah dan Mesyuarat Penyelidikan Fakulti (JPF) ke semua mesyuarat ini dipengerusikan oleh Dekan dan melibatkan semua pengurusan (Gambar Rajah 1.4.2). Rentetan itu, **RENOVA mewajibkan** semua **penyelaras melaporkan status pelaksanaan dan pencapaian** petunjuk prestasi **dalam Mesyuarat Penyelidikan Fakulti**.

Sekiranya petunjuk prestasi **gagal dicapai**, **RENOVA** akan membawa isu tersebut untuk dibincangkan dalam JKEF dan JPF untuk **merangka pelan intervensi** dan **sesi pemantauan**

(Gambar Rajah 1.4.3) bagi mengenali faktor yang menghalang kepada pencapaian petunjuk prestasi tersebut. Melalui mesyuarat yang dipengerusikan oleh Dekan FPP, punca kepada kegagalan dikenalpasti dan beberapa solusi dirangka dan dilaksanakan.

SENARAI BUKTI:

1. [F0023_K01_KB04_KC01_20231_Gambar rajah 1.4.1 Jawatankuasa Penyelidikan Fakulti \(JPF\).pdf](#)
2. [F0023_K01_KB04_KC01_20232_Jadual 1.4.1 Senarai Penyelaras dan Program.pdf](#)
3. [F0023_K01_KB04_KC01_20233_Gambar rajah 1.4.2 Sesi Pemantauan Penyelidikan.pdf](#)
4. [F0023_K01_KB04_KC01_20234_Gambar Rajah 1.4.3 - Mesyuarat JPF.pdf](#)

1.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Pengurusan Kanan memandang serius terhadap risiko yang berkaitan Penyelidikan & Penerbitan dan Pengkomersilan (3P). **Pelbagai usaha dan inisiatif telah dilaksanakan melalui RENOVA** bagi mengurus dan menilai risiko berkaitan . Pengurusan Kanan juga memastikan **Mesyuarat Jawatankuasa Risiko Fakulti digerakkan dan bersidang bagi mengkaji dan mengambil tindakan penambahbaikan** ke atas semua risiko-risiko yang dikenalpasti (Jadual 1.4.2).

Risiko pensyarah yang tidak menerbitkan artikel dan menjadi *corresponding author* dalam jurnal berindeks merupakan antara risiko berkaitan penerbitan. Bagi mengurangkan risiko ini Pengurusan Kanan melalui RENOVA telah menjalankan **siri bengkel dan semakan secara berkala untuk membantu pensyarah menyiapkan penerbitan** (Gambar Rajah 1.4.4).

Selain itu, semua pensyarah yang berpotensi untuk menghasilkan penerbitan akan diwajibkan untuk menyertai **program Rising Stars sebagai bukti sokongan Pengurusan Kanan membantu mereka menghasilkan penerbitan dan secara tidak langsung dapat menggalakan pembudayaan penulisan dan penerbitan ilmiah** dalam kalangan pensyarah.

Kemampuan pensyarah untuk menyelesaikan geran penyelidikan dalam tempoh masa yang ditetapkan juga merupakan risiko yang telah dikenalpasti berkaitan geran. Pengurusan Kanan menggerakkan RENOVA untuk **melaksanakan audit atau semakan berkala kemajuan geran penyelidikan**. Kumpulan penyelidik yang tidak mencapai KPI geran akan **diberi peringatan dan nasihat untuk membantu mereka menyelesaikan geran penyelidikan** mereka (gambar Rajah 1.4.5). Geran penyelidikan yang berjaya diselesaikan telah memberi imej dan kredibiliti yang baik kepada fakulti sekaligus **meningkatkan jumlah penerima geran**.

Risiko berkaitan inovasi dan pengkomersilan telah dapat dikawal dengan inisiatif strategik yang dilaksanakan oleh Pengurusan Kanan. Pengurusan Kanan menyahut aspirasi universiti untuk meletakkan sasaran yang tinggi bagi aktiviti pengkomersilan. Usaha Pengurusan Kanan iaitu dengan **pemberian insentif kepada para pensyarah yang menghasilkan produk untuk dipertandingkan** telah berjaya mengurangkan risiko ini. mana-mana pensyarah yang dipilih untuk bertanding akan diberi insentif dengan **penanggung yuran penyertaan oleh fakulti** (Gambar Rajah 1.4.6). Usaha ini amat berkesan dalam **meningkatkan jumlah pensyarah yang terlibat dalam aktiviti inovasi dan pengkomersilan**. Hasilnya, pada tahun 2022 FPP telah berjaya mendapat **tempat pertama bagi anugerah perundingan oleh UTV** bagi Gugusan Pengurusan dan Perniagaan (Gambar Rajah 1.4.7).

SENARAI BUKTI :

1. [F0023_K01_KB04_KC02_20231_Jadual 1.4.2 - Senarai Risiko.pdf](#)
2. [F0023_K01_KB04_KC02_20232_Gambar Rajah 1.4.4 - Siri Bengkel.pdf](#)
3. [F0023_K01_KB04_KC02_20235_Gambar Rajah 1.4.7 - UTV Award.pdf](#)
4. [F0023_K01_KB04_KC02_20234_Gambar Rajah 1.4.6 - Penanggung Yuran Penyertaan.pdf](#)

1.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

RENOVA amat memahami bahawa adalah **penting untuk sentiasa memantau dan memastikan pelan penambahbaikan adalah efisien dan sesuai untuk mencegah risiko dari berulang**. Inisiatif, kaedah dan projek berikut adalah antara yang telah menjadi amalan RENOVA kepada semua pensyarah.

Bagi meningkatkan pencapaian **penerbitan**, RENOVA akan memberikan **peringatan mesra yang berunsur nasihat sebagai galakan kepada pensyarah** terutamanya kepada pensyarah yang belum menerbitkan artikel. **Peringatan ini diberikan sebanyak tiga kali** untuk mengingatkan pensyarah supaya menerbitkan artikel. Melalui langkah ini, RENOVA dapat memastikan semua pensyarah menerbitkan artikel dan mencapai petunjuk prestasi penerbitan.

Selain itu, **pensyarah yang tidak menerbit artikel juga diwajibkan mengikuti program Rising Stars**. Melalui program ini, **mentor-mentor penyelidikan dilantik** bagi membantu pensyarah mendapatkan tajuk penulisan serta bimbingan penulisan (Gambar Rajah 1.4.8). Oleh itu, **pensyarah yang gagal menghadiri atau ingkar kepada arahan menghadiri program Rising Stars perlu memberikan surat tunjuk sebab dan boleh dikenakan tindakan** daripada RENOVA kerana program ini mampu meningkatkan jumlah penerbitan dari fakulti.

Bagi **geran** pula, **pemantauan dilakukan secara berkala** di mana **ketua penyelidik perlu mengemaskini tahap perkembangan dan pencapaian KPI geran** kepada RENOVA melalui saluran yang disediakan seperti **google form sekurang-kurangnya dua kali setahun** kepada Unit Geran (Gambar Rajah 1.4.9). Selain itu, **latihan berkala diberikan kepada penyelidik dari masa ke semasa** (Gambar Rajah 1.4.10). Sebagai contoh, sesi seperti webinar dan taklimat dianjurkan bagi permohonan Skim Geran Penyelidikan FRGS, TRGS, dan juga geran dalaman fakulti. Secara umum, **setiap kali geran baru dibuka, RENOVA akan mengumumkan kepada semua staf** (Gambar Rajah 1.4.11). Hal ini bertujuan untuk memastikan pensyarah berada dalam keadaan bersedia untuk membuat kertas cadangan serta menguruskan dana penyelidikan yang diperolehi dengan mengikuti panduan yang telah ditetapkan. Sekiranya **geran penyelidikan tidak menunjukkan perkembangan mengikut jadual, RENOVA akan menggantung permohonan baharu geran daripada kumpulan penyelidik** tersebut sehingga KPI geran sebelum ini tercapai.

SENARAI BUKTI :

1. [F0023_K01_KB04_KC03_20231_Gambar Rajah 1.4.8 - Research Mentors.pdf](#)
2. [F0023_K01_KB04_KC03_20232_Gambar Rajah 1.4.9 - Pemantauan Geran.pdf](#)
3. [F0023_K01_KB04_KC03_20233_Gambar Rajah 1.4.10 - Latihan Berkaitan Geran.pdf](#)
4. [F0023_K01_KB04_KC03_20234_Gambar Rajah 1.4.11 - Contoh Hebahan Geran Penyelidikan.pdf](#)

1.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Bagi menggerakkan pensyarah dan ahli fakulti untuk mencapai objektif dan inisiatif strategik yang telah dirancang, **Pengurusan Kanan** telah mengambil beberapa inisiatif berikut:

1. Menyebarkan objektif dan inisiatif strategik kepada pensyarah

Melalui **Mesyuarat Akademik Fakulti**, semua pensyarah telah diterangkan berkaitan objektif dan inisiatif penerbitan, penyelidikan dan pengkomersilan (3P). **Pelan Tindakan Strategik FPP** telah **diemail** untuk rujukan pensyarah dan staf pentadbiran (Gambarajah 1.5.1). Selain itu, semua program-program bertujuan untuk mencapai PI disebarikan melalui whatsapp dan email untuk pengetahuan masing-masing.

2. Menggalakkan budaya menulis melalui **Writing Day**

Pengurusan Kanan telah menetapkan **hari Jumaat** sebagai **hari menulis** (Gambarajah 1.5.2). Melalui kempen ini secara tidak langsung budaya penulisan dapat dipupuk dalam diri pensyarah sekaligus pensyarah akan memperuntukkan masa untuk menulis pada setiap hari Jumaat.

3. Program **Rising Stars**

Inisiatif ini dilaksanakan untuk memastikan setiap pensyarah menerbitkan artikel. **Pensyarah berpotensi** (Rising Stars) dalam penerbitan akan **dibahagikan dalam beberapa kumpulan** yang diketuai oleh mentor-mentor dan **Pengurusan Kanan menetapkan tarikh dan masa pertemuan bagi Rising Stars** dan setiap pensyarah **wajib menghadiri** setiap pertemuan tersebut (Gambarajah 1.5.3).

4. Penerbitan dalam **Special Issues**

Inisiatif ini dilaksanakan untuk memberi **peluang kepada pensyarah menerbitkan artikel** dalam **jurnal berindeks dan berimpak tinggi** dengan lebih cepat mengikut bidang kepakaran yang sesuai dengan FPP. Proses penerbitan yang menjadi lebih mudah ini akan menarik perhatian pensyarah untuk terus menulis dan menerbitkan hasil penulisan melalui penyelidikan masing-masing (Gambarajah 1.5.4).

5. Menyediakan dana bantuan penerbitan

Bagi membudayakan aktiviti penyelidikan dan penerbitan serta pengkomersilan, **Pengurusan Kanan** telah **menyediakan dana** bagi membantu pensyarah membuat **pembayaran yuran penerbitan dalam jurnal berindeks Scopus dan WoS**. Inisiatif ini memberikan ruang kepada pensyarah untuk menerbitkan artikel dalam jurnal yang lebih berkualiti sekaligus meningkatkan kredibiliti pensyarah FPP dalam akademik (Gambarajah 1.5.5).

6. **Revisit your research proposal**

Program ini dilaksanakan untuk melihat semula cadangan-cadangan penyelidikan yang telah dihasilkan untuk permohonan geran seperti FRGS yang tidak berjaya untuk ditambah baik bagi permohonan untuk tahun akan datang atau geran-geran penyelidikan lain yang ditawarkan. **Program ini memberikan ruang kepada pensyarah untuk memperbaiki mutu penulisan kertas cadangan penyelidikan** bagi tujuan permohonan geran pada masa hadapan.

7. **Geran Dana Dalaman Fakulti (DDF)**

Geran DDF disediakan untuk memberikan peluang kepada pensyarah mendapatkan geran-geran penyelidikan. Geran DDF ini boleh **dibahagikan kepada tiga kategori utama** iaitu **geran biasa, geran MoA dan Geran Matching**. Geran biasa merujuk kepada geran yang diberikan kepada pensyarah yang memohon dalam tempoh masa tertentu. Geran MoA pula merupakan geran penyelidikan yang diterima daripada pihak industri melalui MoA yang ditandatangani dan geran matching ialah geran yang melibatkan kerjasama dengan penyelidik dari institusi/universiti luar negara. **Melalui tiga jenis geran ini, budaya penyelidikan akan**

dapat dibentuk dalam diri setiap pensyarah FPP.

SENARAI BUKTI :

1. [F0023_K01_KB05_20231_Gambar Rajah 1.5.1 Memo Pemakluman Strategik Action Plan.pdf](#)
2. [F0023_K01_KB05_20232_Gambar Rajah 1.5.2 - Writing Day.pdf](#)
3. [F0023_K01_KB05_20233_Gambar Rajah 1.5.3 - Program Rising Stars.pdf](#)
4. [F0023_K01_KB05_20234_Gambar Rajah 1.5.4 - Peluang Penerbitan Artikel dalam Special Issues.pdf](#)
5. [F0023_K01_KB05_20235_Gambar Rajah 1.5.5 - Dana Penerbitan.pdf](#)

KRITERIA 2 : PERANCANGAN STRATEGIK

2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Pelan Perancangan Strategik FPP (**Plan**) merupakan pelan yang telah dibangunkan secara holistik, dinamik dan merangkumi pelbagai dimensi supaya selari dengan hasrat FPP untuk melakar nama di peta dunia. Pelan ini mendokong penuh objektif kualiti fakulti dan usaha UiTM untuk **menjadi salah satu universiti terkemuka dunia menjelang tahun 2025**.

Pelan yang menyediakan **inisiatif berimpak tinggi** ini juga dirangka dengan mengambil kira Dasar Pendidikan Negara dalam RMK-11 dan RMK-12, Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) dan diaspirasikan daripada Perancangan Strategik UiTM 2025. Pelan ini menjadi rujukan utama kepada semua inisiatif dan Pelan Tindakan Strategik (SAP) yang diatur bagi menggerakkan usaha untuk mencapai KPI/ PI fakulti.

Pelaksanaan (**Do**) Inisiatif strategik yang dirancang di bawah pelan ini telah **dilaksanakan dengan sistematik dan pemetaan yang padu dipacu oleh slogan FBMAwesome telah berjaya menggerakkan 100% warga FPP untuk mencapai KPI dan PI yang ditetapkan**. Jawatankuasa Perancangan Strategik FPP telah ditubuhkan oleh Pengurusan Kanan yang menyokong segala usaha berkaitan pencapaian KPI / PI. Jawatankuasa ini berfungsi sebagai penyelaras bagi menyelaras semua aktiviti dan pelan tindakan yang disediakan di dalam SAP. Pencapaian inisiatif dan pelan tindakan ini akan dibentangkan dalam mesyuarat **Jawatankuasa Eksekutif Fakulti (JKEF) dan Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP)**.

Perancangan Strategik FPP, telah dilaksanakan menggunakan **kaedah SWOT analisis**. SWOT analisis dipilih untuk mengukur kekuatan (strength), kelemahan (weaknesses), peluang (opportunities) dan ancaman (threats) yang dihadapi fakulti dalam **menjayakan inisiatif yang dirancang**. Persekitaran dalaman dan persekitaran luaran juga diambil kira dalam pelaksanaan SAP dan seterusnya pencapaian objektif fakulti. Melalui **pemetaan SAP yang komprehensif ini**, FPP telah berjaya mencapai inisiatif yang dirancang dan seterusnya memanfaatkan peluang yang ada serta **meningkatkan daya saingnya di bidang penyelidikan, penerbitan dan pengkomesilan juga kerjasama dengan pihak industri dan antarabangsa**.

Setiap inisiatif strategik yang dilaksanakan telah **dipantau (Check)** secara berkala menerusi strategi pemantauan yang jitu berdasarkan **PDCA (Plan, Do, Check & Act)**. Peratusan pencapaian projek telah dianalisa oleh ketua PTJ secara berkala dalam pertemuan pada setiap 3 bulan. Pencapaian kemajuan tersebut dilakukan bagi memastikan **pencapaian output kekal dan sejajar dengan hala tuju FPP dan UiTM**. Pengurusan Kanan menggerakkan RENOVA untuk memantau projek dan inisiatif yang telah dikenalpasti bagi memastikan keterlibatan sepenuhnya para pensyarah dalam inisiatif berkaitan penyelidikan, penerbitan dan pengkomesilan (3P). Program MEE yang dijenamakan semula sebagai Rising Stars mewajibkan semua pensyarah untuk terlibat dalam semua bengkel. Melalui Perancangan Strategik jugak sebanyak 17 projek telah dibuat pemetaan dan dipantau keberkesanannya. antara projek yang dikenalpasti ialah ***Indexed Conference Incentive, QS by Ranking Publication Incentiv, Workshop series: from dissertation to article dan Matching grant with foreign universities***

Selain itu, Risiko setiap inisiatif telah dikenalpasti (Act) dan didaftarkan di peringkat FPP dan UiTM menerusi **templat Excel Pelan Tindakan Strategik (SAP) yang ditambahbaik dari BTU**. Langkah ini dilakukan bagi memastikan **setiap inisiatif dilaksanakan dengan jaya serta tindakan alternatif dapat dikenalpasti** supaya penambahbaikan dapat dilaksanakan. Pelbagai mekanisme **melibatkan seluruh warga dalam memberi input penambahbaikan telah dilaksanakan menerusi taklimat dekan, mesyuarat dan pembentangan**. Analisa SWOT turut digunapakai dan penambahbaikan direalisasikan menerusi bengkel pemurnian perancangan strategik. Perancangan strategik yang sistematik ini telah menjadi aspirasi FPP dalam pembudayaan aktiviti 3P.

2.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Model Perancangan Strategik FPP telah mengambil kira **perubahan dasar serta halatuju UiTM** dalam pemetaan inisiatif bagi memenuhi petunjuk prestasi (PI) yang ditetapkan.

FPP mendokong objektif fakulti dan UiTM dalam menjadikan UiTM sebuah universiti terkenal di seluruh dunia (*Globally Renowned University-GRU*) menjelang tahun 2025.

Bagi mendukung aspirasi ini, penyelidikan dan inovasi selaras dengan Dasar Pendidikan Negara dalam RMK-11 dan RMK-12, Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) perlu dititikberatkan dalam merangka strategi dan Pelan Tindakan fakulti. Maka **Blueprint Strategic Action Planning (SAP) 2022** telah dibentuk seperti Gambarajah 2.2.1.

Model ini menunjukkan bahawa FPP dirangka berteraskan 7 teras utama iaitu Pengajaran dan Pembelajaran; Hal Ehwal Pelajar; Penyelidikan, Inovasi dan Komersilan; Akademia, Industri dan Masyarakat; Keusahawanan; Penjana pendapatan; Pentadbiran (Gambarajah 2.2.2).

Fakulti telah memberi penekanan terhadap Penyelidikan, Inovasi dan Komersilan. FPP telah **berjaya menunjukkan peningkatan yang besar sebanyak 35.94%**. Ini merupakan **satu kejayaan besar yang telah dicapai oleh FPP** pada tahun 2022. Walaubagaimana pun, setiap teras mempunyai PI yang harus dicapai dan perancangan yang cermat dan melibatkan semua staf telah dilakukan untuk mencapai PI yang dipandu oleh komitmen dan inklusiviti.

Selepas perancangan dilakukan, pemantauan pula diadakan bertujuan untuk memastikan objektif dan Inisiatif strategik 2022 dilaksanakan dengan berkesan. Ketua PTJ telah memberi sepenuh kepercayaan kepada seluruh warga didalam keterlibatan dalam setiap projek yang dirancang.

Fakulti telah menggunakan pendekatan perencanaan strategik yang teratur, sistematik, dan realistik serta telah memperuntukkan sumber daya dengan efektif untuk mengenal pasti bidang keperluan, serta memantau kemajuan dalam mencapai hasil yang diinginkan dengan berpandukan strategi UiTM. Proses diperingkat ini melibatkan Dekan, Timbalan Dekan Penyelidikan dan Inovasi (TDPI) dan AJK RENOVA. Proses perancangan strategik FPP telah dibahagikan kepada tempoh **jangka masa panjang dan pendek**.

Bagi perancangan **jangka masa pendek**, Mesyuarat Jawatankuasa Penyelidikan (JPF) telah dijalankan dimana ia dipengerusikan oleh Dekan dan dihadiri oleh ahli mesyuarat yang telah dilantik (**gambarajah 2.2.3**). **Mesyuarat secara berkala** iaitu sebanyak enam kali setahun telah berjaya diadakan. Panggilan mesyuarat telah dilakukan melalui emel (google calendar) dan aplikasi whatsapp. Rekod minit mesyuarat serta agenda mesyuarat JPF turut dilampirkan dalam emel panggilan mesyuarat tersebut, bagi memberi masa kepada ahli untuk menyemak dan memberi komen semasa mesyuarat berlangsung.

Selain itu, aktiviti perancangan strategi dalam **tempoh jangka masa panjang**, iaitu bengkel SAP telah berjaya dijalankan pada 29 November - 1 Disember 2021 di Espira Kinrara, Puchong. Bengkel ini dijalankan bagi merangka gerak kerja/projek FPP untuk mencapai sasaran petunjuk prestasi (PI) tahun 2022 (**2.2.4**).

FPP telah menitik beratkan kepada pencapaian 14 PI yang telah ditetapkan dan telah membahagikan PI kepada dua kluster utama iaitu penerbitan (penerbitan berindeks, berimpak tinggi, penerbitan bersama industri serta kolaborasi antarabangsa) dan geran (jumlah perolehan geran oleh warga FPP) (**Gambarajah 2.2.5**). **FPP sangat menekankan pencapaian dan penghasilan bilangan penerbitan yang ditetapkan dan jumlah geran yang telah diperolehi.**

Pemeriksaan ini direalisasikan melalui beberapa siri projek yang berjaya diadakan sepanjang 2022. Semua projek telah dimulai dengan pemetaan, perancangan, pemurniaan dan penulisan laporan keseluruhan serta perancangan inisiatif bagi tahun berikutnya. **Pendekatan ini memastikan kesemua inisiatif diperhalusi, dipantau dan dipinda untuk penambahbaikan secara berkala agar kesemua PI berjaya dicapai.**

SENARAI BUKTI:

1. [F0023_P01_PB02_20231_Gambarajah 2.2.1 - Blueprint SAP.pdf](#)
2. [F0023_P01_PB02_20232_Gambarajah 2.2.1 - Peratusan Teras Perancangan Strategik FPP 2022.pdf](#)
3. [F0023_P01_PB02_20233_Gambarajah 2.2.3 - Mesyuarat Jawatankuasa Penyelidikan \(JPF\).pdf](#)
4. [F0023_P01_PB02_20234_Gambarajah 2.2.4 - Carta organisasi Perancangan Strategik FPP.pdf](#)
5. [F0023_P01_PB02_20235_Gambarajah 2.2.5 - Model Perancangan Strategik FPP 2021-2022.pdf](#)

2.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Model Perancangan Strategik FPP 2022 memaparkan **pelan tindakan yang digunapakai dalam perancangan selari dengan halatuju UiTM** yang dirangka sejajar dengan tujuh (7) **Teras (Gambarajah 2.3.1)**. Inisiatif Pelan Strategik FPP melibatkan penyelidikan dan inovasi selaras dengan Dasar Pendidikan Negara dalam RMK-11 dan RMK-12.

Dalam usaha memantapkan **Penyelidikan dan Inovasi**, FPP telah mengadakan **pelbagai program** seperti bengkel, perjumpaan antara pihak pengurusan FPP dengan staf bagi **menyebarkan strategi yang telah dirancang dan halatuju** fakulti. Antara **platform yang digunakan oleh fakulti untuk menyebarkan maklumat** yang berkaitan dengan aktiviti dan peluang disalurkan melalui **email, whatsapp dan media sosial**.

Pengurusan FPP juga telah mengambil kira perubahan dalam dasar dan hala tuju universiti. Fakulti telah melaksanakan perancangan strategik yang menekankan inisiatif yang dihasilkan. Beberapa inisiatif telah dibentuk, termasuk inisiatif khas dari FPP sendiri. **Kejayaan projek telah dipantau dan disemak melalui mesyuarat** yang diadakan **setiap tiga bulan** pada tahun 2022. Selain dari itu **bengkel perancangan strategik juga diadakan sekali setahun dan dipimpin oleh Dekan (2.3.2)**. Perancangan strategik ini **melibatkan warga FPP secara menyeluruh** dalam setiap projek, inisiatif, dan aktiviti penambahbaikan. Ini penting untuk memastikan proses perancangan dan pelaksanaan berjalan dengan lancar dan secara efektif bagi mencapai sasaran, sambil mempertimbangkan maklumat risiko yang telah dikenal pasti serta langkah-langkah penyelesaiannya.

Pelbagai inisiatif PS telah diwujudkan melalui Pembentukan beberapa inisiatif. Antaranya **program Monitoring, Enforce & Execute (MEE) / Rising Stars**. Program MEE telah dilaksanakan sebagai inisiatif Strategic Action Plan (SAP) Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) (PTNCPI) bagi membantu pensyarah Gred DM51/52 yang tidak menghasilkan penerbitan berindeks (SCOPUS/WoS) sebagai corresponding author bagi keseluruhan sistem UiTM. Program ini telah **berjaya melonjakkan hasil penerbitan berindeks sebanyak 34.4%** yang mana pensyarah telah berjaya menjadi corresponding author **(2.3.3)**.

Selain itu **program One Staff One Geran** juga diadakan yang mana program ini **menghendaki satu staf mempunyai satu geran**. Ini merupakan satu tagline yang telah memberi motivasi kepada semua staf akademik yang masih belum menjadi penyelidik utama (PI). Pihak RENOVA dengan jayanya telah mengenalpasti status tersebut. Ternyata program ini **berjaya menunjukkan keberkesanannya pada FPP**.

Research Beyond Boundaries juga diadakan untuk **mengalakkan staf akademik memohon geran antarabangsa**. Satu sesi perkongsian bersama pemegang PI telah diadakan bagi memberi perincian tentang syarat-syarat dan komponen utama keperluan geran antarabangsa. **Inisiatif ini juga telah direalisasikan dengan jayanya dan ternyata berkesan**.

Halatuju Pelan Strategik FPP disebarluaskan kepada seluruh warga FPP secara **berterusan dan sistematik**, melalui beberapa platform seperti 1) **Peluasan peringkat FPP**: Amanat Dekan bersama warga FPP. Taklimat pada setiap awal semester ini bertujuan memberi kefahaman tentang PS dan halatuju FPP yang telah didaftarkan bagi memenuhi KPI dan PI yang dipertanggungjawabkan oleh BTU dalam mencapai objektif utama fakulti dan UiTM. 2) **E-mel rasmi**. Maklumat, rakaman, slaid taklimat, ucapan penghargaan, poster kejayaan serta info berkaitan disebarluaskan secara berkala oleh Unit Korporat FPP. 3) **Media Sosial FPP**. Maklumat berkaitan FPP seperti Blueprint FPP dan Strategic Action Plan (SAP) dikongsi oleh AJK PS di FB, Instagram, Telegram dan Whatsapp **(2.2.4)** bagi pemakluman kepada seluruh warga FPP. 4) **Blueprint FPP(2022)**. Penyediaan Blueprint FPP sebagai rujukan utama dalam pengoperasian fakulti memudah cara kepada pencapaian objektif strategik **(2.2.5)**.

SENARAI BUKTI :

1. [F0023_P01_PB03_20231_Gambarajah 2.3.1 - Peratusan teras perancangan strategik FPP 2022.pdf](#)
2. [F0023_P01_PB03_20232_Gambarajah 2.3.2 - Bengkel SAP bersama Dekan.pdf](#)
3. [F0023_P01_PB03_20233_Gambarajah 2.3.3 - Pencapaian mengikut Teras.pdf](#)
4. [F0023_P01_PB03_20234_Gambarajah 2.3.4 - Hebahan di Media Sosial.pdf](#)
5. [F0023_P01_PB03_20235_Gambarajah 2.3.5 - Blueprint Strategic Action Planning \(SAP\) 2022.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

2.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Model Pemantauan FPP menggunakan pendekatan **PDCA: Plan, Do, Check, Act** sebagai model **pemantauan pencapaian inisiatif strategik (2.4.1.1)**. Kesemua inisiatif dalam perancangan strategik telah dirancang (**Plan**) **secara sistematik** dengan **menggunakan pendekatan (1) konvensional** iaitu mesyuarat secara bersemuka (2) **teknologi secara maya** dan aplikasi mudah alih seperti mesyuarat secara on-line dan media sosial, mengikut kesesuaian dan keperluan semasa. Kedua-dua pendekatan ini melibatkan kumpulan sasaran melalui pendekatan pemantauan yang dilakukan secara **top-down dan bottom-up**. Melalui pendekatan ini, terhasil **komunikasi secara dua hala yang sangat efektif**, di mana **arahan telah disampaikan dengan jayanya** oleh pihak pengurusan tertinggi dan **informasi serta input dari kumpulan sasaran telah berjaya dikumpulkan** dan digunakan untuk **menghasilkan perancangan dan penambahbaikan perancangan strategik**.

Di peringkat FPP (**Do**), **satu Jawatankuasa Perancangan Strategik yang diketuai oleh ketua PTJ telah ditubuhkan** untuk memantau prestasi setiap inisiatif yang dilaksanakan. **Sistem PRIME telah digunakan dan seluruh warga harus mengemaskini hasil pencapaian projek setiap tiga (3) bulan**. Peratusan pencapaian projek dianalisa oleh ketua PTJ **secara berkala dalam pertemuan pada setiap 3 bulan**. Pencapaian kemajuan perlu dianalisa bagi **memastikan pencapaian output kekal dan sejajar dengan hala tuju FPP dan UiTM (2.4.1.2)**. Unit RENOVA mengenalpasti **pensyarah yang tersenarai sebagai Denominator Berpotensi (DP)** dari laporan BTU dan mereka perlu **mengikuti program MEE (Mentor, Execute & Enforce/Rising Stars)** bersama Mentor **untuk membimbing penulisan mereka (Jadual 2.4.1.1)**.

Akses selektif sistem PRIME ini juga menjamin **integriti data** yang di laporkan. Pemantauan dimulai dengan **pelaporan berkala oleh setiap pengarah projek melalui google spreadsheets** yang disediakan. Setiap pengarah projek dilantik **bertanggungjawab** melaporkan status pelaksanaan dan pencapaian projek di bawah seliaan masing-masing agar pelan tindakan (**Check**) yang tidak dicapai dapat dikenalpasti dan langkah alternatif dapat diambil. Analisa pemantauan dan pencapaian inisiatif kemudiannya **dibentangkan oleh Jawatankuasa Perancangan Strategik kepada Pengurusan Kanan FPP** melalui Mesyuarat Pengurusan Eksekutif (MPE).

Tindakan penambahbaikan (Act) telah dilaksanakan berdasarkan input daripada mesyuarat MPE dan warga FPP melalui **bengkel pemurnian perancangan strategik. Analisa SWOT (Strength, Weakness, Opportunities & Threat) (2.4.1.4)** juga telah digunakan bagi menambahbaik pencapaian perancangan strategik fakulti.

Model pemantauan FPP yang sistematik ini membolehkan informasinya sentiasa dikemaskini dan tindakan alternatif pantas dapat diambil supaya pencapaian inisiatif strategik **mencapai piawaian** yang ditetapkan.

SENARAI BUKTI:

1. [F0023_P01_PB04_PC01_20231_Gambarajah 2.4.1.1 - PDCA.pdf](#)
2. [F0023_P01_PB04_PC01_20232_Gambarajah 2.4.1.2 - KPI Penerbitan.pdf](#)
3. [F0023_P01_PB04_PC01_20233_Gambarajah 2.4.1.3 - Analisis SWOT.pdf](#)
4. [F0023_P01_PB04_PC01_20234_Jadual 2.4.1.1 - Jadual Rising Star.pdf](#)

2.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Dalam menggerakkan penglibatan seluruh pensyarah menghasilkan penerbitan penyelidikan dan pengkomesilan (3P) berimpak tinggi, pastinya pelbagai risiko dijangka akan dihadapi. Namun, Pengurusan Kanan **menggerakkan Jawatankuasa Pengurusan Risiko Fakulti untuk memantau risiko yang menghalang pelaksanaan inisiatif dalam perancangan strategik terutamanya berkaitan aktiviti 3P.**

Setiap projek dan SAP yang dirangka dalam dokumen perancangan strategik dikenalpasti risiko yang berkaitan dan diambil **langkah bagi pengawalan risiko** tersebut samaada untuk jangka masa pendek atau panjang. Ini bagi memastikan projek dapat dilaksanakan dengan sebaiknya dan tiada kegagalan dalam mencapai KPI yang telah ditetapkan. Antara risiko yang dikenalpasti adalah pertindihan jadual waktu antara pensyarah dan mentor yang boleh menyukarkan mereka untuk bertemu pada sesi yang sama. Bagi mengatasi risiko ini, **RENOVA telah bekerjasama dengan AJK jadual waktu melalui TDA untuk mengosongkan jadual waktu pensyarah terlibat pada setiap hari Jumaat dengan 3 slot berbeza (Jadual 2.4.2.1)** manakala team RENOVA pula ditugaskan dalam setiap slot yang disediakan bagi memastikan kehadiran pensyarah pada sesi tersebut.

Risiko lain yang turut dikenalpasti adalah kurang kerjasama daripada pensyarah untuk hadir ke sesi yang telah ditetapkan. Langkah pencegahan yang diambil ialah bagi pensyarah yang tidak hadir ke sesi tersebut, mereka akan diberi peringatan mesra secara lisan terlebih dahulu, seterusnya jika pensyarah tersebut masih tidak hadir maka mereka akan diminta untuk memberi penjelasan secara bertulis melalui surat pemakluman ketidakhadiran kepada Dekan sebelum tindakan selanjutnya diambil (Gambarajah 2.4.2.1). Amaran ketiga melalui sesi khusus bersama Dekan akan dilakukan sekiranya pensyarah telah menerima amaran pertama dan kedua menunjukkan **betapa Pengurusan Kanan memandang serius bagi menggerakkan inisiatif di bawah 3P.**

Selain daripada risiko pensyarah yang keliru dengan *corresponding author, co-author & main author* menyebabkan mereka tersasar dalam mengatur strategi penulisan mereka. Bagi mengatasi risiko ini, RENOVA mengambil inisiatif untuk **mengeluarkan info berkaitan KPI penerbitan minimum tahunan staf mengikut trek dan gred jawatan melalui whatapps/ telegram/ emel pada setiap hari jumaat** (Gambarajah 2.4.2.2). Para pensyarah juga sentiasa diingatkan untuk mengemakini data penerbitan mereka melalui sistem PRIME dari masa ke semasa.

Menerusi Perlaksanaan Perancangan Strategik FPP, semua inisiatif yang dirangka dikenalpasti risiko dan laporan status kebarangkalian risiko berlaku akan dibentangkan oleh Ketua Projek supaya tindakan kawalan dapat diambil lebih awal.

SENARAI BUKTI :

1. [F0023_P01_PB04_PC02_20231_Gambarajah 2.4.2.1 - Surat Tunjuk Sebab.pdf](#)
2. [F0023_P01_PB04_PC02_20232_Gambarajah 2.4.2.2 - Poster Hari Menulis.pdf](#)
3. [F0023_P01_PB04_PC02_20233_Gambarajah 2.4.2.3 - Peringatan Mesra.pdf](#)
4. [F0023_P01_PB04_PC02_20234_Jadual 2.4.2.1 - Jadual Rising Star.pdf](#)

2.4.3 MENGENAL SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Hasil pemantauan inisiatif strategik di Fakulti Pengurusan Perniagaan dibentangkan secara berkala dalam **Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Eksekutif (JKEF) dan Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP) (2.4.3.1)**. Strategi dan inisiatif ini kemudian disampaikan kepada semua staf di FPP melalui **pelbagai medium, termasuk mesyuarat, sesi perbincangan, taklimat, serta nota pendek, baik secara maya maupun fizikal, untuk memastikan penyampaian input yang tepat dan tepat pada waktunya.**

Selain itu, maklum balas dan pandangan berharga dari warga kampus dikumpulkan secara efisien dan mengikut perubahan zaman untuk mencapai akses yang lebih ramai melalui pelbagai **aplikasi seperti Facebook, WhatsApp, Telegram, Google Form dan Laman Web RENOVA (2.4.3.2)**. Pendekatan ini diambil kerana ia lebih mudah diakses, merangkumi perubahan semasa, serta memberi kebolegunaan maksimum kepada pengguna. Keseluruhannya, kolaborasi, keterlibatan aktif, dan input nilai tambah dari komuniti warga telah memberikan sumbangan yang signifikan terhadap **peningkatan kualiti dan prestasi cemerlang FPP**, baik secara langsung maupun tidak langsung.

SENARAI BUKTI :

1. [F0023_P01_PB04_PC03_20231_Gambarajah 2.4.3.1 - Blueprint SAP.pdf](#)
2. [F0023_P01_PB04_PC03_20232_Gambarajah 2.4.3.2 - Hebahan Media Sosial.pdf](#)

2.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Pengurusan kanan fakulti (Gambarajah 2.5.1) menggunakan **Perancangan Strategik FPP** dalam mengerakkan jabatan untuk mencapai objektif dan inisiatif strategik fakulti dalam bidang tumpuan iaitu penyelidikan, penerbitan dan pengkomesilan seperti yang tercatat dalam dokumen penjajaran Perancangan Strategik FPP. Model Perancangan Strategik FPP telah menjadi **amalan dan budaya** di kalangan warga fakulti. Secara ringkasnya, terdapat **tujuh teras utama** (Gambarajah 2.5.2) yang menyeluruh dalam usaha pengurusan kanan fakulti **mencapai jumlah penyelidikan, penerbitan dan pengkomesilan yang berimpak ke arah fakulti cemerlang** (Gambarajah 2.5.3).

Di samping itu, laungan slogan “**FBM Awesome**” telah menjadi amalan dan budaya di kalangan warga fakulti. Secara ringkasnya, terdapat lima kluster kecemerlangan utama yang menyeluruh dalam usaha pengurusan kanan fakulti **melahirkan staf akademik dan staf pentadbiran yang holistik serta dinamik ke arah fakulti cemerlang**. Di samping itu, laungan slogan “FBM Awesome” yang mempunyai aura tersendiri sentiasa memeriahkan suasana dan meningkatkan semangat diri setiap kali warga fakulti berkumpul seperti dalam mesyuarat, bengkel, kursus, majlis keramaian, pertandingan dan sebagainya. (Gambarajah 2.5.4).

Model “FBM Awesome” juga merupakan **pembudayaan yang diamalkan oleh pengurusan kanan fakulti dalam usaha untuk meningkatkan jumlah pensyarah yang terlibat dalam aktiviti penyelidikan, penerbitan dan pengkomesilan** berdasarkan penjajaran Perancangan Strategik FPP. Usaha untuk meningkatkan penglibatan pensyarah dalam aktiviti penyelidikan, penerbitan dan pengkomesilan telah dilaksanakan dengan **pelaksanaan beberapa bengkel, aktiviti dan sesi perjumpaan bersama pengurusan kanan**. Amalan dan budaya berdasarkan model “FBM Awesome” serta pelbagai inisiatif yang terhasil berlandaskan penjajaran Perancangan Strategik FPP amatlah berkesan dalam usaha pengurusan kanan fakulti **mengerakkan pelbagai inisiatif** di bawah Perancangan Strategik untuk mengerakkan bidang tumpuan iaitu penyelidikan, penerbitan dan pengkomesilan di kalangan warganya dengan jayanya secara **holistik dan dinamik, akhirnya FPP telah mencapai banyak kecemerlangan pada tahun 2022**.

SENARAI BUKTI :

1. [F0023_P01_PB05_20231_Gambarajah 2.5.1 - Carta Organisasi FPP.pdf](#)
2. [F0023_P01_PB05_20232_Gambarajah 2.5.2 - Bengkel SAP.pdf](#)
3. [F0023_P01_PB05_20233_Gambarajah 2.5.3 - Penghargaan.pdf](#)
4. [F0023_P01_PB05_20234_Gambarajah 2.5.4 - FBM Awesome.pdf](#)

KRITERIA 3 : TUMPUAN KEPADA PELANGGAN

3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Keterlibatan secara langsung pelanggan dalam **penyelidikan & penerbitan dan pekomersilan(3P)** amat penting bagi menjayakan agenda aspirasi *Global Renowned University (GRU 2025)* dalam meningkatkan skor myRA Universiti dan **Fakulti Pengurusan dan Perniagaan(FPP)** khususnya. FPP sangat mengistimewakan pelanggan dalam melahirkan warga yang inovatif dan mampan. Ini menjadikan pelanggan lebih kompetitif dan kekal relevan dipersada nasional dan global seiring dengan **Rancangan Malaysia ke 12 (RMke-12)** dan **Pelan strategik UiTM 2025**. Tiga tujuan utama UiTM2025 menekankan **Pendidikan Berkualiti, Kecemerlangan Global dan Prestasi berorientasikan Nilai** yang bersandarkan kecemerlangan, sinergi dan integriti untuk memastikan hasilan UiTM berkualiti tinggi. Selaras dengan tema UiTM2025, Unit **Penyelidikan dan Inovasi (PI) FPP** menjadi pemangkin utama bagi menjayakan iniatif 3P Universiti bermatlamat Pembangunan Lestari (SDGs).

Bagi mencapai agenda national dan global, tujuan **Kecemerlangan Global bertemakan Pembangunan, Penyelidikan, Translasi, Inovasi dan Pengkomersilan** menjadi tunggak utama dalam **merancang** pelan strategik peringkat PI. Timbalan Dekan (TD) PI bersama jawatankuasanya, memperhalusi teras-teras 3P bagi mencapai Petunjuk Prestasi (PI) yang diperturunkan dari Bahagian Transformasi Universiti (BTU). Agenda ini dibincang diperingkat pengurusan tertinggi semasa Perancangan Strategik FPP tahunan seperti PI geran, penerbitan, penyelidikan dan Inovasi. Ini terbukti dengan kejayaan FPP meraih sebanyak **219 Geran dalaman** berjumlah **RM5000 hingga RM50,000** manakala sebanyak **17 geran Internasional** berjumlah antara **RM5000 hingga RM374,141.00** yang tertinggi pada tahun 2022.

Kumpulan sasar merupakan elemen penting bagi **pelaksanaan 3P** dalam merealisasikan GRU2025. Penentuan setiap pelanggan telah ditetapkan dalam Perancangan Strategik FPP sebagai langkah awal sebelum operasi 3P dijalankan. Kumpulan sasar **3P** terbahagi kepada **staf akademik, pelajar pascasiswazah, pusat pengurusan penyelidikan (RMC), universiti dan industri**. Kumpulan sasar dikenalpasti melalui kaedah seperti ambilan data dari RMC, portal i-staf dan sistem STAR pentadbiran FPP. Dari situ, pencapaian semasa bagi jumlah 3P staf FPP dikumpul, disimpan dan dikenalpasti untuk tindakan seterusnya. Data pelanggan telah diperluaskan ambilan melalui **Scopus, Wos, Google Scholar, SMART** dan **PRIME**. Namun, platform seperti media social (**facebook, instgram, laman sesawang FPP**) serta **UiTM Expert** telah menyumbang keperluan dan **perluasan data bagi 3P**. Manakala bagi data pelajar, diperolehi melalui pendaftaran pelajar dalam sistem SIMS. Keterampilan pelanggan-pelanggan ini telah melonjak FPP diperingkat nasional dan global sekaligus meningkat prestasi FPP dalam myRA skor apabila FPP berjaya **mencapai skor 91%, penarafan 6 bintang pada tahun 2022**.

Sepanjang tahun 2022, FPP telah berjaya mengelolakan bengkel, seminar, pautan penyelia dan pelajar, anjuran pertandingan inovasi antaranbangsa, bekerjasama dengan pihak industri dan universiti luar berjaya melonjakkan jumlah penerbitan yang berstatus **Scopus dan Wos** iaitu **81.58% pada tahun 2022 berbanding 75.51% pada 2021**. Peningkatan ini membantu menaikkan *ranking* Universiti yang berkedudukan antara *ranking 651-700 dunia* dan tersenarai antara **22 Universiti terbaik Malaysia**.

FPP sangat menitikberatkan setiap aktiviti 3P. **Pemantauan** berkala secara bulanan melalui sistem **Research Innovation Information System (RIIS)** dan sistem **PRIME**. Analisa laporan akan dibawa ke mesyuarat **Jawantankuasa Pengurusan Fakulti(JPF)** untuk dinilai. Hasil dibentang dan staf dipantau melalui projek **Monitor, Execute, Enforce (MEE)** bagi yang **masih tiada aktiviti 3P**. Melalui projek MEE, unit PI berjaya membuat **penambahbaikan** dengan mewujudkan bengkel bersama mentor dan **Friday is FBM writing day**. FPP berjaya **mengurangkan jumlah MEE dari 155 staf (2021) kepada 123 staf (2022)**.

3.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Penglibatan pelanggan 3P amat penting dalam menjayakan agenda utama FPP dalam membantu UiTM mencapai status *Global Renowned University 2025* (GRU2025). (Jadual 3.2a)

Dalam mencapai sasaran sebagai sebuah Fakulti yang mampu menerajui bidang penyelidikan dan penerbitan berimpak tinggi, kepelbagaian pelanggan menjadi satu peluang kepada Fakulti untuk merealisasikan objektif 3P. FPP percaya bahawa komuniti pelanggan yang cemerlang akan melahirkan fakulti yang cemerlang. Secara dasarnya, pelanggan FPP terdiri daripada **pelajar, staf Fakulti/ UiTM, pembekal, pihak industri serta rakan universiti antarabangsa**. Dengan itu, dua (2) kumpulan sasar dikenalpasti bagi bidang tumpuan 3P iaitu (1) **pelanggan dalaman**, dan (2) **pelanggan luaran** (Gambar rajah 3.2a, 3.2b).

Pelanggan dalaman merupakan **staf akademik dan pentadbiran** FPP yang ditafsirkan melalui profil kepakaran dan perincian tugas dalam jadual 3.2b. Staf akademik terbahagi kepada empat (4) pusat pengajian seperti di Gambar Rajah 3.2b. **Staf akademik** berperanan sebagai pendidik, pakar rujuk, penyelidik, menjalinkan hubungan mobiliti antarabangsa, dan keterlibatan dalam khidmat masyarakat. **Staf pentadbiran** terdiri daripada staf pentadbiran am dan staf teknikal. Staf pentadbiran am berfungsi mengikut pusat tanggungjawab (PTJ) iaitu Pejabat Dekan, Pejabat Hal Ehwal Akademik (HEA), Pejabat Hal Ehwal Pelajar (HEP), Pejabat Jaringan Industri & Alumni (PJIA) dan Pejabat Penyelidikan dan Inovasi. Staf teknikal bertanggungjawab menguruskan teknikal dimakmal-makmal, pejabat dan pensyarah.

Pelanggan luaran FPP pula didefinisikan sebagai pemegang taruh yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dengan FPP seperti **pelajar, badan profesional, alumni, masyarakat, industri dan agensi kerajaan serta rakan/universiti antarabangsa** yang menjalinkan hubungan dengan FPP (Gambar Rajah 3.2a). Pelajar ditakrifkan sebagai pelanggan luaran yang menerima faedah secara langsung daripada pelanggan dalaman.

Kedua-dua pelanggan FPP menjadi tunjang dalam pemantapan tadbir urus 3P. Sinergi dinamik di antara FPP dan pelanggan digambarkan melalui hubungkait yang seimbang dan menguntungkan antara kedua pihak. Pelanggan dalaman menawarkan kepakaran dan penglibatan kepada pengoperasian, manakala pelanggan luaran menyokong ketampakan FPP di peringkat nasional dan antarabangsa. Simbiosis yang mampan dari hubungan dua hala ini telah meningkatkan jumlah 3P FPP dan seterusnya memacu pengoperasian tumpuan pelanggan supaya lebih sistematik dan efisien. Peranan serta penglibatan setiap kategori pelanggan diperincikan dalam dan Jadual 3.2c dan Gambar Rajah 3.2c.

FPP telah menyediakan pelbagai inisiatif untuk kemudahan dan keselesaan pelanggan dalaman terutamanya kemudahan infrastruktur sebagai inisiatif utama. Sebagai contoh, bilik pintar (smart classroom) yang berteknologi tinggi dan dua (2) bilik rehat rehat staf untuk pertemuan santai (Gambar Rajah 3.2d) dan bilik RENOCAN (Gambar Rajah 3.2e). FPP sentiasa proaktif dalam memastikan kelangsungan kemajuan dalam bidang 3P bagi peningkatan ilmu dan kemahiran kesemua staf dengan menyediakan pelbagai kursus dan latihan di peringkat nasional dan antarabangsa.

Dalam pelaksanaan mengenalpasti kumpulan sasaran pelanggan FPP melantik jawatankuasa 3P (Gambar Rajah 3.2f) yang bertanggungjawab menyalurkan informasi dan diperluaskan melalui laman sesawang FPP dan media masa (facebook dan instagram). Dengan segala **perancangan yang sistematik** disediakan oleh FPP dikongsikan bersama pelanggan dalaman dan luaran dipelbagai platform seperti <https://fbm.uitm.edu.my/index.php/research/publications>, laman facebook Pascasiswazah: <https://www.facebook.com/people/Department-of-Postgraduate-Professional-Studies-FBM-UITM/100063580746842/>, laman facebook FPP: <https://www.facebook.com/fbmuitm> dan instagram: <https://www.instagram.com/fbmuitm/> (Gambar Rajah 3.2g). Dengan cetusan **inovasi** ini ia telah meningkatkan pengikut **instagram sebanyak 2,228 followers** dan **facebook sebanyak 4.3K followers dan 3.1K likes**. Dan perkongsian diwar-warkan bagi ketampakan pelanggan. Tahniah FPP (Gambar Rajah 3.2h) .

SENARAI BUKTI:

1. [F0023_T01_TB02_20231_Jadual 3.2a.pdf](#)
2. [F0023_T01_TB02_20232_Gambar Rajah 3.2a 3.2b_Jadual 3.2b.pdf](#)
3. [F0023_T01_TB02_20233_Jadual 3.2c_Gambarajah 3.2c .pdf](#)
4. [F0023_T01_TB02_20234_Gambar rajah 3.2d 3.2e .pdf](#)
5. [F0023_T01_TB02_20235_Gambar rajah 3.5f 3.5g 3.5h.pdf](#)

3.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Selari dengan perancangan strategik fakulti, FPP **mengumpul, menyimpan dan mengenalpasti data pelanggan** melalui pelbagai platform. Data direkod secara sistematik supaya setiap aduan dan maklumbalas diperkemaskini dengan jelas dan lebih berkesan (Jadual 3.3a). **Data pelanggan dalaman** dikenalpasti melalui **Portal I-staf, HR2U, PRISMA, UiTM Expert, Faculty Business and Management Intergrated System(FBMIS)** manakala **data pelanggan luar** melalui **Portal iStudent, UFUTURE, SIMS** bagi pelajar. **Data dari rakan universiti luar dan industri adalah dari pejabat OIA dan pejabat Jaringan Industri, Komuniti, dan Alumni (ICAN) dan disimpan didalam sistem SMART.**

FPP sangat menitikberatkan keperluan pelanggan dalam aktiviti 3P. Selain dari menyediakan platform aduan/maklumbalas pelanggan dengan pautan dilaman sesawang FPP <https://selangor.uitm.edu.my/index.php/ms/facility/e-aduan>. Portal digital FBMIS RIIS: https://fbmis.uitm.edu.my/ris/staf_welcome (Gambar Rajah 3.3a_b) disediakan bagi memudahkan pelaporan aktiviti 3P FPP, seminar, bengkel dan bilik RENOCAN bagi merencanakan aktiviti 3P.

Hasil dari maklumbalas disebarluas dalam mesyuarat utama: PBSM, JAF, JKAP, Mesyuarat Eksekutif, Mesyuarat bersama staf akademik, Audit dan penilaian prestasi kualiti. E-Aduan juga disertakan dimedia sosial rasmi FPP (Facebook, Twitter, Instagram) (Gambar Rajah 3.3b) dan semasa penganjuran bengkel dan webinar 3P.

Analisa maklumbalas telah meningkat kepuasan hati pelanggan dalam meningkatkan hasil 3P. TD(PI) telah mengambil iniatif dengan memperluaskan skop aktiviti kepada tiga(3) kategori operasi iaitu:

1. **MEE - Monitoring, Execute, Enforcement** - staf akademik dilibatkan dalam projek 3P dengan mengadakan bengkel berkala pada setiap hari Jumaat dengan tema **Friday is FBM writing day** (Gambar Rajah 3.3e) . Dengan keterlibatan mereka telah mengurangkan jurang yang tiada penerbitan sebanyak 20% (155 staf) kepada 123 staf (Jadual 3.3b) dan telah menyumbang kepada jumlah penerbitan seperti jadual 3.3c).

2. **One staf, one grant** - Iniatif menggalakkan staf untuk memiliki satu geran secara berkumpulan melalui tawaran yang war-warkan didalam whatsapp FPP, email rasmi, laman sesawang serta webinar anjuran TD(PI). Dengan perluasan ini FPP berjaya menganugerahkan sebanyak **219 geran dalaman** kepada staf dan pelajar pascasiswazah(Jadual 3.3d).

3. **Research Beyond Boundaries**-FPP memperluaskan aktiviti 3P dengan berkongsi pelbagai tawaran geran, dan konferensi melalui iniatif geran antarabangsa yang boleh dipohon melalui pautan yang diwar-warkan diwhatsapp FP, email rasmi, laman sesawang serta webinar anjuran TD(PI). Dengan iniatif ini FPP berjaya mendapat **17 geran antarabangsa** dari rakan universiti dan industri dimana jumlah yang tertinggi ialah **Geran Erasmus iaitu RM374,141.00.** (Jadual 3.3e)

Strategi peluasan secara menyeluruh dan inklusif telah menyumbang kepada peningkatan jumlah penerbitan yang berstatus Scopus/Wos/ERA. Jumlah geran yang diperolehi pada tahun 2022 bernilai **RM1,629,360(geran nasional)** dan **RM177,600 (geran industri)** serta **RM130K (geran antarabangsa)** meningkat kepada **100% terutama geran dari industri**(Jadual 3.3f_3.3g).

Sinergi antara FPP dengan pelanggan dicapai menerusi kejayaan FPP mengungguli **Skor-i UiTM 2022** tertinggi (Gambar Rajah 3.3f) iaitu **91%** dengan **penarafan 6 bintang.**

FPP berjaya mengungguli beberapa anugerah tertinggi dengan **penganugerahan Incentif Cemerlang PI Pemberat 4 2022 Kategori PI063: Number of Principal Investigators (PI) for Reaseach Grants: International Funded** (Gambar Rajah 3.3g).

FPP melaksanakan keseluruhan sistem UiTM dengan pautan penyelia dan pelajar pascasiswazah (Jadual 3.3h) serta penyelidikan bersama komuniti sebagai sinergi yang mampan(Gambar Rajah 3.3h)

SENARAI BUKTI :

1. [F0023_T01_TB03_20231_Jadual 3.3a_Gambarajah 3.3a_3.5b_3.3c.pdf](#)
2. [F0023_T01_TB03_20232_Jadual 3.3b_3.3c_Gambar rajah 3.3d_3.3e.pdf](#)
3. [F0023_T01_TB03_20233_Jadual 3.3d_3.5e_3.3f_3.3g_Gambar rajah 3.3g.pdf](#)
4. [F0023_T01_TB03_20234_Gambar rajah 3.3h penyelia & pelajar.pdf](#)
5. [F0023_T01_TB03_20235_Gambar Rajah 3.3h.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

3.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

FPP sangat menghargai komitmen dan sinergi antara pelanggan dalaman dan luaran. Pelbagai inisiatif berganjaran disediakan bagi mengekalkan hubungan baik dengan semua pelanggan yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam aktiviti 3P FPP dalam memastikan kecemerlangan dan ketampakan FPP (Jadual 3.4.1a).

Bagi memastikan staf terus bermotivasi dalam aktiviti 3P, FPP memperkenalkan insentif penerbitan dalam pelbagai bentuk bagi meningkatkan penerbitan berimpak tinggi dalam usaha menjadikan FPP dan UiTM mencapai GRU 2025 (Gambar Rajah 3.4.1a): https://fbm.uitm.edu.my/images/download/research/guideliness-fbm-research-grant_latest-2025.pdf

Insentif berbentuk geran dalaman disediakan dari RM5000 dan pembayaran yuran koferensi juga dibiayai oleh FPP (Gambar Rajah 3.4.1b). Wang ganjaran disediakan bagi yang berjaya dalam penerbitan jurnal berindex FPP juga menaja sepuluh (10) projek inovasi ke pertandingan Antarabangsa. (Gambar rajah 3.4.1b). Bagi menghargai kejayaan staf dalam penerbitan, majlis **Jewel in the Crown (Gambar Rajah 3.4.1c)** telah dianjurkan oleh unit PI. Dalam membudayakan 3P, bengkel penulisan setiap hari jumaat (**Friday is a writing day**) diadakan bersama mentor dan mentee dalam usaha ke arah membudayakan penulisan artikel jurnal berimpak tinggi dalam kalangan penyelidik FPP. Hasil penulisan dipantau sehingga staf berjaya menerbitkan menuliskan ke-10 yang berindex seperti Scopus/Wos/ERA (Jadual 3.4.1b).

Ganjaran di dalam konteks peningkatan ketampakan dapat dimanifestasikan dari segi pengiktirafan kepada keberjayaan sebagai pakar rujuk di dalam industri dan komuniti, serta perkongsian kepakaran penyelidikan peringkat antarabangsa. Pelbagai bengkel dan seminar dianjurkan bagi memantapkan lagi dalam usaha perluasan staf kepersada antarabangsa dengan menjadi penulis bersama (Jadual 3.4.1b)

Di samping itu, pertambahan jumlah geran penyelidikan yang diperolehi oleh staf FPP juga telah meningkatkan MyRA Fakulti kepada penarafan 6 bintang selama dua tahun berturut-turut dan merupakan antara yang tertinggi di UiTM. Penyelidikan berimpak tinggi yang diterajui oleh penyelidik FPP telah menyumbang sejumlah penerbitan artikel bertaraf Q1, Q2 dan tersenarai sebagai top 10 H-Index di UiTM (Jadual 3.4.1c). Penghargaan dengan ganjaran ini menjadi pemangkin dan motivasi kepada penyelidik FPP dalam usaha mengekalkan momentum kemampuhan penerbitan artikel berimpak tinggi.

SENARAI BUKTI:

1. [F0023_T01_TB04_TC01_20231_Jadual 3.4.1a_Gambar rajah 3.4.1a.pdf](#)
2. [F0023_T01_TB04_TC01_20232_Gambar rajah 3.4.1b.docx.pdf](#)
3. [F0023_T01_TB04_TC01_20233_Gambar rajah 3.4.1c.pdf](#)
4. [F0023_T01_TB04_TC01_20234_Jadual 3.4.1c-Jurnal berindeks.pdf](#)
- 5.

3.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Unit risiko FPP merupakan satu unit yang berfungsi untuk mengenalpasti setiap risiko yang berkemungkinan terdedah kepada fakulti. Dengan itu, unit PI telah mengenalpasti risiko yang boleh menjejaskan pelaksanaan dan kejayaan kumpulan sasaran. Antara risiko-risiko tersebut ialah:

1) **Risiko Etika: Amalan Penyelidikan yang Tidak Beretika dan Plagiarisme**

Risiko ini berlaku apabila adanya pengabaian peraturan pelaporan keputusan, pencapaian atau penemuan yang tidak benar oleh pelajar yang melakukan aktiviti penyelidikan. Terdapat juga isu di mana para pelajar memplagiat hasil kerja orang lain tanpa memberikan kredit kepada penulis asal dalam menyiapkan kerja kursus yang diberikan oleh pensyarah. Kesannya ialah ini akan menghasilkan graduan yang kurang berkualiti, dan memberi kesan kepada keputusan dan tempoh pengajian pelajar. (Gambar Rajah 3.4.2a)

2) **Risiko Perundangan: Pelaksanaan Undang-undang**

Kelemahan atau kekurangan pengetahuan mengenai prosedur semasa proses draf perjanjian yang melibatkan penyelidikan seperti *matching grant*. Implikasinya universiti dan penyelidik boleh dibawa ke mahkamah. (Gambar Rajah 3.4.2b)

3) **Risiko Kemosotan Reputasi:**

Kekangan pelbagai faktor menyebabkan kegagalan penyelidik menyiapkan geran mengikut tempoh masa yang ditetapkan. Antara punca yang mungkin mempengaruhi adalah situasi pandemik, sikap penyelidik dan pemantauan yang tidak konsisten daripada pihak yang bertanggungjawab. Impaknya ialah ia akan merosakkan imej fakulti dan UiTM. (Gambar Rajah 3.4.2c)

4) **Risiko Kewangan:**

Kekangan universiti untuk memberikan dana bagi aktiviti penyelidikan dan inovasi kerana peruntukan terhad daripada pemegang taruh dan menjurus kepada penurunan jumlah penerbitan dikalangan staf bagi jurnal berindeks tinggi. (Gambar Rajah 3.4.2d)

5) **Risiko Pengkomersialan:**

Objektif Universiti mensasarkan RM 10,000 bagi pengkomersialan namun ia merupakan cabaran yang besar untuk dicapai. Aktiviti 3P lebih berteraskan kepada perundingan, fundamental dan servis yang tidak mengfokuskan kepada pembinaan prototaip atau penghasilan produk. Walaubagaimanapun, FPP telah berjaya dinobatkan oleh UTV sebagai tempat pertama perundingan bagi Gugusan Pengurusan dan Perniagaan yang turut bersaing dengan Fakulti Perakaunan, Pengurusan Maklumat, Pengurusan Hotel dan Pelancongan serta AAGBS. (Gambar Rajah 3.4.2e)

Hasil pemantauan risiko telah digunakan untuk kajisemula pengurusan dengan mengadakan mesyuarat sebanyak dua(2) kali setahun. Risiko yang kenalpasti akan didaftarkan disistem risiko UiTM dan perlu dipantau sehingga risiko tersebut dapat diatasi (Gambar rajah 3.4.2f).

SENARAI BUKTI :

1. [F0023_T01_TB04_TC02_20231_Gambar rajah 3.4.2a_b_c_d_e-Senarai Risiko.pdf](#)
2. [F0023_T01_TB04_TC02_20232_Gambar rajah 3.4.2a-Unit Risiko.pdf](#)
3. [F0023_T01_TB04_TC02_20233_Gambar rajah 3.4.2f.pdf](#)

- 4.
- 5.

3.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Kesemua maklum balas pelanggan berdasarkan risiko yang telah dikenalpasti, diikuti dengan hasil analisa maklum balas telah di bentang dan di bincangkan di dalam Mesyuarat Pengurusan Risiko (MPR) yang dijadualkan dua kali setahun menjadi salah satu prosedur wajib FPP sebagai langkah pelaksanaan dan perancangan pengurusan risiko (Jadual 3.4.3a). Amalan terbaik hasil daripada mesyuarat MPR ini dikongsi kepada semua warga FPP sebagai satu pendekatan untuk penambahbaikan dalam aktiviti 3P. Pemantauan pencapaian oleh Unit Kualiti dan Unit Perancangan Strategik Fakulti telah meningkatkan keupayaan pengurusan FPP untuk tindakan kepada maklum balas dan aduan pelanggan secara efisien. Dengan pelantikan Jawatankuasa 3P, penganjuran webinar, penggunaan sistem pemantauan kehadiran dan analisa laporan dari sistem PRIME dan sistem RIIS digunakan bagi memantau (Gambar rajah 3.4.3b_3.4.3c) keberhasilan 3P dalam melonjakkan pencapaian PI. Hasilnya, keberkesanan pengurusan risiko dalam perancangan pencapaian maklumbalas pelanggan telah melalui proses penambahbaikan yang berterusan seterusnya disemaikan kepada perancangan strategik FPP 2022 (Gambar rajah 3.4.3d). FPP sentiasa mewar-warkan aktiviti 3P melalui pelbagai platform seperti laman sesawang, facebook, intagram, whatsapps bagi membudayakan pelanggan FPP mengakses kesemua platform tersebut. Oleh yang demikian semua maklumat yang tepat, sahih dan mutakhir berkenaan FPP dapat diperolehi secara maya.

Pihak pengurusan FPP bertindak kepada maklumbalas dan aduan pelanggan melalui e-aduan dan Unit Pengurusan Risiko FPP. Proses Pengurusan e-aduan dan Proses Kepuasan Hati Pelanggan telah dilaksanakan secara sistematik dalam agenda tumpuan kepada pelanggan. Carta alir bagi kedua-dua proses ini ditunjukkan di Rajah 3.4.3e.

Bagi mengukuhkan bidang tumpuan 3P staf, FPP telah menganjurkan mesyuarat secara berkala sepanjang tahun (Januari-Disember) dengan kekerapan yang konsisten. Agenda 3P diberi perhatian di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Fakulti (JPF) (Gambar Rajah 3.4.3f) membincangkan pencapaian terkini PI secara berkala. Selain dari itu, pencapaian PI akan di bincang diperingkat pengurusan yang lebih tinggi seperti Mesyuarat Pengurusan Eksekutif (MPE), Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM), Mesyuarat Jawatankuasa Akademik Pengurusan (JKAP) bagi pascasiswazah, Perjumpaan Dekan bersama Staf serta Mesyuarat Akademik Fakulti Ketampakan pelanggan kepersada Global dipautkan dengan program sarjana dan ijazah kedoktoran, pelajar dan penyelia bagi melonjakkan aktiviti 3P.

SENARAI BUKTI :

1. [F0023_T01_TB04_TC03_20231_Gambar rajah 3.4.3a_Jadual 3b_3c - Taklimat risiko-template daftar risiko-risiko SAP.pdf](#)
2. [F0023_T01_TB04_TC03_20232_Gambar rajah 3.4.3b_c-pemantauan melalui sistem PRIME&RIIS.pdf](#)
3. [F0023_T01_TB04_TC03_20233_Gambar rajah 3.4.3d.pdf](#)
4. [F0023_T01_TB04_TC03_20234_Gambar rajah 3.4.3e-carta alir 3P.pdf](#)
5. [F0023_T01_TB04_TC03_20235_Gambar rajah 3.4.3f-pemantauan melalui mesyuarat.pdf](#)

3.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Keberkesanan tumpuan pelanggan diterjemahkan melalui peningkatan Indeks Kegembiraan staf FPP dari **70% (2020) kepada 76% (2021)** Gambar Rajah 3.5a. Gambar Rajah 3.5b menunjukkan tren positif bagi sub-domain Emosi Positif (P), Keterlibatan (E), Hubungan (R), Makna (M), Pencapaian (A) dan Infrastruktur (I) pada tahun 2021 berbanding tahun 2018-2020. Ini membuktikan komitmen FPP dalam tumpuan kepada pelanggan dalam agenda 3P yang meningkatkan ranking Universiti seperti di Gambar Rajah 3.5c. Satu kajiselidik yang dijalankan oleh Unit Penyelidikan dan Inovasi bagi melihat kebersanan 3P di FPP dan hasil kajian menunjukkan bahawa kepuasan hati pelanggan terhadap pelaksanaan 3P di fakulti adalah **73.80% secara keseluruhan** bagi tahun 2020-2022 (Jadual 3.5f). Bagi sub-domain **penglibatan dalam 3P dan Objektif 3P** masing-masing menyumbang peratus paling tinggi iaitu **82%**. Manakala **pengiktirafan dan ganjaran** menyumbang **80%** kepuasan hati pelanggan dan ini menunjukkan satu sinergi penglibatan pelanggan 3P di FPP.

Satu **inovasi** yang sangat bermanfaat kepada FPP adalah dengan pembangunan sistem FBMIS yang menfokuskan kepada lima sistem dan salah satu ialah pengumpulan maklumat 3P bagi kegunaan pelanggan dalaman dan luaran yang iaitu FBMIS RIIS (Gambar Rajah 3.5d). Sistem ini dibangunkan Professor Madya Dr Norshima Humaidi telah memberi impak yang tinggi apabila berjaya menjamin **penjimatan kos operasi** dan meningkatkan kepuasan pelanggan apabila proses kerja menjadi lebih sistematik dan berpusat.

FPP berjaya mencetuskan **inovasi hasil daripada pengumpulan dan penganalisaan maklumbalas pelanggan** demi meningkatkan tahap kepuasan pelanggan. Usaha FPP dalam penggunaan FBMIS RIIS menjadi lebih berkesan apabila sistem yang dibangunkan berjaya merangkul **tempat ketiga (3)** dalam pertandingan **Operational Excellence(OE) 2020** (Gambar Rajah 3.5e) dan berjaya dipertandingkan diperingkat inovasi antarabangsa. FPP berjaya menganugerahkan geran Dalaman Fakulti (DDF) dalam menghasilkan penerbitan di jurnal yang berindeks dalam pembangunan sistem tersebut(Jadual 3.5e). Keberkesanan tindakan dan inovasi daripada pengukuran kepuasan hati pelanggan ditunjukkan di Jadual 3.5f dan contoh hasil inovasi dalam Gambar Rajah 3.5g.

Kredibiliti FPP di dalam inovasi agenda tumpuan pelanggan dibuktikan apabila Dr Aziz Jamal(Q1 dan Corresponding Author), Prof madya Dr Mohamad Khalil Omar (Q1, Scopus dan Corresponding Author) dan Dr Mohamad Iskandar Hamzah (Q1 dan Corresponding Author) dinobatkan sebagai top 10 Q1, Scopus dan *Corresponding Author* penyelidik yang menjadi pemangkin kepada penyelidik yang lain (Gambar Rajah 3.5h). Manakala Top Q2 telah didominasi oleh Dr Aziz Jamal, dan Dr Aida Azlina Mansor. Seramai 12 staf menerajui Trek 3P yang meningkat jumlah penerbitan FPP (Gambar Rajah 3.5i) Penerapan budaya FPP berteraskan tumpuan kepada pelanggan secara holistik dan humanistik menyumbang kepada pengurusan dan pembangunan staf yang cekap dan berkesan. FPP telah menguruskan tumpuan kepada pelanggan secara menyeluruh dan bersepadu sebagai langkah memenuhi kehendak dan keperluan pelanggan.

FPP meningkatkan iniatif dengan **memperluaskan inovasi** dengan pautan **mentor dan mentee** (Gambar Rajah 3.5j) yang dizahirkan dalam projek MEE. Dan ia telah melonjakkan penerbitan sebanyak **74.20%** pada tahun 2021 dan **52.85%** dari kalangan MEE dan mengurangkan jurang staf yang tiada penerbitan(Jadual 3.5k). FPP juga telah meningkatkan kumpulan Research Focus Group(RFG) seperti dalam Gambar Rajah 3.5i.

SENARAI BUKTI :

1. [F0023_T01_TB05_20231_Gambar rajah 35a_3.5b Hapiness Indexs.pdf](#)
2. [F0023_T01_TB05_20232_Gambar rajah 3.5c_Jadual 3.5f.pdf](#)
3. [F0023_T01_TB05_20233_Gambar rajah 3.5d.pdf](#)
4. [F0023_T01_TB05_20234_Gambar rajah 3.5e_3.5g_Jadual 3.5g.pdf](#)

5. [F0023_T01_TB05_20235_Gambar rajah 3.5h_3.5i_Jadual 3.5k.pdf](#)

KRITERIA 4 : PENGUKURAN, ANALISIS DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN

4.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

AKNc, AKNC, AKNC

Mercu pembudayaan kualiti,
Erti sebuah kecemerlangan kualiti kerja.

PENGUKURAN DAN ANALISA

Data dan maklumat senjata utama FPP,
Penambahbaikan berterusan kunci jati diri,
Segala halangan dan rintangan di tempuh tanpa kompromi,
Bagi memacu kelangsungan FPP.

Secara tuntasnya, pengukuran, analisis dan pengurusan pengetahuan bagi bidang tumpuan yang dipilih oleh FPP telah berjaya dilaksanakan dengan baik. FPP memastikan segala pencapaian daripada segi pelaksanaan serta inisiatif strategik dicapai dengan jayanya, dengan menyusun, merangka, melaksana dan memantau pelbagai aktiviti, kemajuan, dan penambahbaikan yang sistematik. FPP komited untuk mencapai *key performance indicator* (KPI) seperti yang disarankan oleh Bahagian Transformasi Universiti (BTU). Pencapaian KPI ini adalah amat penting untuk FPP bagi mencapai matlamat UiTM sebagai '*Global Renowned University*' pada tahun 2025, bahkan untuk mengekalkan mutu dan pencapaian FPP sebagai salah satu fakulti perniagaan terbaik di Malaysia dimana terdapat beberapa **subjek FPP berjaya dinobatkan antara terbaik di dunia**. Ini menunjukkan bahawa **FPP mempunyai pakar yang telah pun membangunkan usaha-usaha memartabatkan bidang niche perniagaan**. Malah, **FPP melangkaui jangkauan BTU dengan mencatat pencapaian penerbitan berindeks SCOPUS dan WOS melebihi sasaran 100%** pada tahun 2022.

Data daripada segenap aspek dikumpul secara berkala samada secara bulanan, mahupun dwi tahunan. Pengukuran kriteria penyelidikan, penerbitan dan pengkomersilan (3P) diambil kira dengan kaedah penerbitan (jumlah penerbitan, jumlah penulis utama), geran (industri dan kerajaan, universiti dalam dan luar negara) dan pengkomersilan (konsultasi, inovasi). **FPP komited dalam mendepani cabaran** mendatang dimana usaha-usaha meminimumkan risiko dimana pelbagai tindakan yang telah pun diambil.

4.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Pendekatan yang sistematis telah digunapakai oleh **RENOVA** di dalam mengukur pencapaian **3P** pensyarah di **FPP**. Pendekatan sistematis ini adalah sangat penting dalam memastikan **RENOVA** mampu merancang sebarang aktiviti penambahbaikan demi mencapai KPI yang telah ditetapkan oleh pihak UiTM. Pendekatan strategik yang telah dilakukan amat penting di dalam memastikan kualiti setiap hasil penyelidikan mampu diterjemah kepada salah satu keberhasilan utama FPP.

Dalam merealisasikan kriteria pertama P&I iaitu penyelidikan, satu **kerjasama strategik** telah diambil oleh pihak **RENOVA** di dalam memastikan setiap pensyarah dan penyelidik FPP berjaya menerbitkan sekurang-kurangnya satu penerbitan sebagai penulis berutusan (*corresponding author*). Justeru, beberapa siri **bengkel penyelidikan** (Gambar Rajah 4.2.1) telah dijalankan di dalam usaha meningkatkan kemahiran pensyarah dan penyelidik. Di dalam menjayakan misi ini, setiap kehadiran pensyarah dan penyelidik telah direkod melalui laman sesawang *Google Form*. Bengkel penyelidikan ini melibatkan kerjasama daripada panel dalaman dan luar UiTM.

Kerjasama di antara pakar luar sama ada dari pihak industri dan juga UiTM telah membantu **RENOVA** dalam meningkatkan jumlah kolaborasi FPP di dalam melaksanakan penyelidikan berimpak tinggi. Di dalam merencanakan lagi kolaborasi dalam aktiviti P&I, beberapa **insentif padanan** telah diperkenalkan. Antara insentif padanan yang diperkenalkan adalah insentif bayaran yuran penerbitan jurnal berimpak dengan syarat khusus iaitu di mana insentif yuran dibayar mengikut jumlah kolaborasi bersama penulis dari universiti luar, dan juga penulis dari kalangan pemain industri. Insentif ini mensyaratkan penulis berutusan perlulah terdiri dari kalangan warga akademik FPP. Segala penerbitan dan inovasi kolaboratif ini telah direkodkan melalui sistem PRIME.

RENOVA juga menggalakkan para pensyarah dan penyelidik FPP untuk memohon geran penyelidikan. Terdapat beberapa jenis geran penyelidikan yang boleh dikategorikan sebagai geran dalaman dan geran luar UiTM (Jadual 4.2.1). Permohonan geran yang berjaya telah direkodkan di portal PRIME dan IRMIS UiTM. Manakala pemantauan geran penyelidikan pula dilakukan melalui sistem eRes. Kejayaan para pensyarah dan penyelidik dalam memperoleh geran penyelidikan juga dihebahkan melalui media sosial. Dalam usaha meningkatkan ketampakan FPP, **RENOVA** juga menggalakkan para pensyarah dan penyelidik untuk bekerjasama dengan penyelidik dari luar terutamanya universiti ternama.

SENARAI BUKTI:

1. [F0023_A01_AB02_20231_Gambar Rajah 4.2.1 Bengkel Penyelidikan.pdf](#)
2. [F0023_A01_AB02_20232_Jadual 4.2.1 Senarai Geran Penyelidikan bersama Organisasi Luar.pdf](#)

4.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Di dalam membuat penilaian, RENOVA bertanggungjawab memastikan data-data dan kaedah penilaian dikenalpasti dengan tepat. Terdapat pelbagai data dan kaedah yang digunakan bagi mengukur kejayaan FPP dalam penyelidikan, penerbitan dan pengkomersilan. Antara data yang digunakan ialah data jumlah geran di sistem IRMIs, data penerbitan di sistem PRIME dan data konsultasi serta pengkomersilan di sistem iCONS. Selain itu, data dari indeks prestasi seperti MYRA, BTU (Bahagian Transformasi Universiti) dan QS Ranking juga digunakan untuk membuat penilaian. Divisual di Gambar Rajah 4.3.1, indeks prestasi RENOVA mempunyai kaedah penilaian tertentu. Dengan penetapan halatuju daripada BTU dan hasrat kekal berdaya saing untuk meningkatkan tahap prestasi FPP, pelbagai perancangan strategik yang direfleksikan dalam inisiatif khusus seperti di Gambar Rajah 4.3.2.

Data-data akan dikemaskini setiap bulan, dimana pihak RENOVA mengambil inisiatif dengan meminta pihak pensyarah mengemaskini status kemajuan geran, penyelidikan dan pengkomersilan terkini mereka.

Data-data ini akan dipastikan selari dengan data-data di indeks prestasi seperti MyRA dan BTU agar tiada kecaciran maklumat. Analisa akan di laksanakan ke atas data tersebut dan laporan akan dibincang bersama pihak pengurusan atasan untuk langkah-langkah penambahbaikan. Data-data bagi jumlah geran dikumpulkan dari RENOVA setiap tahun akan dikenal pasti bagi membuat perbandingan prestasi setiap tahun. Bagi penilaian pencapaian geran, data yang telah diterima adalah mengikut kategori tertentu yang telah ditetapkan. Jumlah sasaran geran penyelidikan tahun 2022 dari geran kebangsaan adalah ditetapkan berjumlah RM 1.9 juta, manakala dari pihak industri, jumlah sasaran geran penyelidikan 2022 ditetapkan pada RM86 ribu. Kategori akhir bagi geran penyelidikan antarabangsa yang disasarkan adalah berjumlah RM 150 ribu seperti di Gambar Rajah 4.3.4. Sasaran geran tahun 2022 telah pun melebihi sasaran yang dibuat pihak BTU dengan pelbagai peluang seperti di gambar rajah 4.3.3. Selain itu, pencapaian sasaran bagi jumlah penyelidikan dan penerbitan bagi tahun 2022 adalah seperti di Gambar Rajah 4.3.3. Data data penyelidikan di kategorikan mengikut jumlah penerbitan berindeks iaitu SCOPUS, WoS, ERA dan MyCite. Disamping itu, penerbitan juga dijejaki mengikut kategori penerbitan kerjasama kebangsaan dan penerbitan kerjasama antarabangsa. Kategori penerbitan oleh UiTM Press juga diambil kira dalam melihat pencapaian penerbitan. Bagi mengukuhkan kategori yang diukur, jumlah ketua penyelidik bagi geran kebangsaan, geran industri, dan geran antarabangsa terlibat juga direkod dan dianalisa.

Analisa yang dijalankan oleh pihak RENOVA telah mencambahkan idea untuk melaksanakan beberapa aktiviti yang berkait rapat bagi menambahbaik prestasi. Bagi penyelidikan dan penerbitan, program MEE (*Monitor, Mentor, and Enforce*) telah di lancarkan bagi membantu pensyarah gred DM51/52 menerbitkan jurnal di penerbitan berindeks. Program MEE ini dijayakan oleh 16 mentor penyelidik dan RENOVA secara berkala. Peluang penerbitan *special issues* juga diwar-warkan kepada penyelidik untuk menyumbang penulisan bagi memastikan usaha penyelidikan dan penerbitan yang berterusan. Jurnal yang terlibat adalah ABRIJ (*Advances in Business Research International Journal*), JIBE (*Journal of International Business, Economics, and Entrepreneurship*) dan EEL (*Empirical Economics Letters*). Hebahan inisiatif *special issues* adalah melalui emel, platform *WhatsApp* dan juga *Google form*. Pengkomersilan produk penyelidikan diukur melalui penyertaan di pertandingan Inovasi. Kemenangan pingat emas dari pertandingan penganjur luar digunakan untuk menambahbaik skor MYRA. KPI inovasi juga diperolehi melalui konsultasi, *prototype*, dan melalui pertandingan inovasi yang dianjurkan oleh universiti lain.

SENARAI BUKTI :

1. [F0023_A01_AB03_20231_Gambar Rajah 4.3.1 Indeks Prestasi.pdf](#)
2. [F0023_A01_AB03_20232_Gambar Rajah 4.3.2 Inisiatif khusus setiap indeks.pdf](#)
3. [F0023_A01_AB03_20233_Gambar Rajah 4.3.3 Sasaran Peluang Penerbitan.pdf](#)
4. [F0023_A01_AB03_20234_Gambar Rajah 4.3.4 Jadual Geran 2022.pdf](#)
5. [F0023_A01_AB03_20235_Gambar Rajah 4.3.5 Ringkasan Laporan Penilaian Tahap Kepuasan.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

4.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Semua dapatan data dan analisis akan **dipantau, dan dikaji semula** untuk merangka program penambahbaikan dan pembangunan oleh pihak RENOVA. Ianya melibatkan pihak pengurusan FPP serta beberapa orang pensyarah yang dilantik untuk menganggotai Jawatankuasa Penyelidikan Fakulti (JPF) (Jadual 4.4.1.1). RENOVA akan membentangkan prestasi terkini secara berkala di dalam mesyuarat JPF yang diadakan secara bulanan .

Proses pemantauan serta pembentangan hasil penyelidikan dan inovasi dilakukan secara berkala dan berperingkat mengikut data yang diperolehi daripada portal PRIME yang dianalisa bagi mengukur pencapaian sasaran berdasarkan penunjuk prestasi utama (KPI). Pemantauan prestasi ini melibatkan pegawai pengurusan yang terdiri daripada Dekan FPP, Timbalan Dekan (TD) P&I, koordinator P&I, serta ahli jawatankuasa yang dilantik. Setiap data yang diperolehi disediakan oleh kordinator P&I dan penyelaras. Data yang dibentangkan akan dibincangkan serta dinilai bagi mengukur serta merancang sebarang penambahbaikan. Ketelusan hasil mesyuarat di peringkat JPF turut dikongsi bersama para pensyarah dan penyelidik FPP yang terlibat. Semua analisa serta perancangan dan pencapaian yang telah dilaksanakan dibentangkan di Mesyuarat Akademik yang diadakan pada setiap semester. Penglibatan pihak pengurusan serta seluruh warga FPP dalam perkongsian maklumat sangat membantu dalam menyemak pencapaian bidang tumpuan P&I.

Pemantapan P&I terutama dari segi penyelidikan dan perolehan geran adalah berdasarkan KPI yang telah ditetapkan serta rundingan bersama BTU UiTM (Jadual 4.4.1.2).

Penganalisaan serta pemantauan rekod penyelidikan (penerbitan dan geran) dimantapkan dalam Mesyuarat Hasil Penyelidikan yang diadakan sebanyak 2 kali setahun .

Disamping itu Unit Komunikasi Korporat dan Unit Perancangan Strategik FPP juga turut berperanan di dalam pelan **perancangan strategik serta hebahan** kepada seluruh warga kerja FPP mengenai pencapaian serta hala tuju P&I. Laporan pencapaian plan strategik FPP juga turut dibentangkan bagi mengesahkan semakan serta merancang langkah strategik untuk meningkatkan pencapaian P&I di kalangan warga kerja FPP (Gambar Rajah 4.4.1.1).

SENARAI BUKTI:

1. [F0023_A01_AB04_AC01_20231_Jadual 4.4.1.1_Senarai Ahli Jawatankuasa.pdf](#)
2. [F0023_A01_AB04_AC01_20232_Jadual 4.4.1.2_Pencapaian dan Target PI FPP 2022.pdf](#)
3. [F0023_A01_AB04_AC01_20233_Gambar Rajah 4.4.1.3 Minit Mesyuarat AJK Pemilik Risiko FPP.pdf](#)

4.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Pengukuran analisa dan pengurusan pengetahuan dalam bidang penyelidikan, penerbitan dan pengkomersilan juga melibatkan risiko. Risiko ini pada dasarnya adalah penghasilan (output) yang tidak mencapai target yang dikehendaki atau pun berlaku perkara luar jangka. Namun demikian, FPP telah **berjaya mengatasi kesemua risiko tersebut dengan amat baik dengan prosedur yang telah ditetapkan** (Jadual 4.4.2 (a) dan (b)). FPP menunjukkan **trend peningkatan yang amat cemerlang** bagi pencapaian penerbitan dari tahun 2020 hingga tahun 2022. Penerbitan berindeks di jurnal SCOPUS, ERA dan WOS meningkat lebih 100% (Gambar Rajah 4.4.2 (a)). Penerbitan juga memerlukan kos yang agak tinggi. Kos ini samada ditanggung melalui geran yang ditawarkan atau pun dibiayai oleh FPP. FPP menyedari risiko ini dimana kos yuran adakalanya ditanggung sendiri oleh pensyarah. Oleh itu pihak FPP menyediakan inisiatif dengan menawarkan pembiayaan yuran penerbitan artikel. Inisiatif ini juga adalah sebagai nilai tambah kepada penawaran pembiayaan penerbitan yang disediakan oleh pihak RMC. Risiko yang lain di bawah penerbitan ialah keadaan di mana pensyarah menerbitkan artikel di jurnal berindeks yang telah dinyahsenarai dari SCOPUS/WOS setelah artikel diterbitkan. Juga risiko di mana artikel diterbitkan di jurnal pemangsa (*predatory*). Risiko ini diatasi dengan peringatan berkaitan jurnal pemangsa dan perkongsian senarai jurnal berindeks yang telah dikemaskini. Bagi mengatasi masalah pengurusan geran, kolaborasi bersama penyelidik lain samada dari dalam atau luar negara dan juga pihak industri adalah amat digalakkan. Idea menggalakkan penyertaan geran dengan penyelidik luar juga merupakan serampang dua mata di mana penerbitan bersama ini akan dibiaya melalui inisiatif pembiayaan penerbitan artikel FPP. Fakulti juga mempunyai inisiatif '*one staff, one grant*'. Melalui inisiatif geran ini, pelajar pascasiswazah juga mendapat manfaat dengan menjadi pembantu penyelidik dan pada masa yang sama mendapat peluang menerbitkan penyelidikan bersama pensyarah. Disamping itu, fakulti juga menganjurkan program '*Research Beyond Boundaries*' dimana galakan memohon geran antarabangsa seperti geran ERASMUS dan geran padanan antarabangsa (Gambar Rajah 4.4.2 (b)).

SENARAI BUKTI :

1. [F0023_A01_AB04_AC02_20231_Gambar Rajah 4.4.2 \(a\) Pencapaian Penerbitan 2020-2022.pdf](#)
2. [F0023_A01_AB04_AC02_20232_Gambar Rajah 4.4.2 \(b\) Contoh E-mail.pdf](#)
3. [F0023_A01_AB04_AC02_20233_Gambar Rajah 4.4.3 Panduan Pengurusan Risiko UiTM.pdf](#)
4. [F0023_A01_AB04_AC02_20234_Gambar Rajah 4.4.4 Maklumat Daftar Risiko FPP Tahun 2022.pdf](#)

4.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Pihak pengurusan RENOVA menganalisa data penyelidikan, penerbitan, dan pengkomersilan secara bulanan yang diperolehi dari sistem PRIME (RMC) dan BTU. Perkiraan penerbitan, pemegang geran, dan pengkomersilan setiap penyelidik di lakukan menggunakan Excel. Langkah langkah penambahbaikan akan diambil sekiranya para pensyarah dan penyelidik tidak mencapai tahap minima yang ditetapkan oleh Pekeliling Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) Bilangan Tahun 01 Tahun 2020. Prestasi pensyarah dibahagikan mengikut trek utama iaitu trek penyelidikan, trek pengajaran dan pembelajaran, trek kepimpinan institusi, dan trek pengamal industri dimana setiap trek adalah diwajibkan mencapai penerbitan minima mengikut jadual 9 yang dilampirkan berikut.

RENOVA juga memantau status ahli fakulti sebagai ketua penyelidik dan pemegang geran samada di peringkat geran dalaman fakulti (DDF), RMC, KPT, atau geran di peringkat negeri. Di peringkat antarabangsa, RENOVA akan merekodkan penglibatan geran DDF bersama universiti luar, dan ERASMUS. Selain itu, RENOVA juga memastikan terdapat geran di peringkat industri iaitu SRP (*Strategic Partnership Research*) dilaksanakan dan juga memastikan proses geran geran tersebut ditamatkan dan dipenuhi.

Dari dapatan data-data yang dikumpul mengikut kategori tersebut diatas, pelbagai penambahbaikan telah di aktifkan melalui program tersusun. Sekiranya pensyarah gagal mencapai prestasi penerbitan minima, mereka akan diwajibkan menyertai program MEE, dimana peringatn dan motivasi mingguan akan diberikan secara emel dan juga melalui

WhatsApp. Terdapat juga peluang penerbitan bagi pensyarah melalui inisiatif dana penerbitan biasa dan *special issues*. Penganjuran konferensi ABRIC (*Advance Business Research International Conference*) juga menyediakan platform penerbitan bagi jurnal berindeks WoS dan Scopus seperti di Gambar Rajah 4.4.3.2. Terdapat insentif penerbitan disediakan bagi membantu menerbitkan hasil penyelidikan. Hebahan tawaran geran dibuat sepanjang tahun melalui emel dan *Whatsapp* seperti di Gambar Rajah 4.4.3.3, Gambar Rajah 4.4.3.4, dan Gambar Rajah 4.4.3.5.

RENOVA menggunakan carta alir mengikut Gambar Rajah 4.4.3.1, untuk memastikan setiap proses geran berjalan mengikut prosedur dan tamat di dalam tempoh yang ditetapkan. Bermula dengan kertas cadangan penyelidikan diterima oleh RENOVA, dan akan diproses, dimana panel penilai yang dilantik oleh fakulti akan menyemak dan menilai kertas cadangan daripada segi objektif kajian, bajet, dan hasil penyelidikan. Permohonan yang diluluskan dipantau secara berkala melalui pembentangan dalam Jawatankuasa Penyelidikan Fakulti (JPF).

SENARAI BUKTI :

1. [F0023_A01_AB04_AC03_20231_Gambar Rajah 4.4.3.1 - Pekeliling Timbalan Naib Canselor.pdf](#)
2. [F0023_A01_AB04_AC03_20232_Gambar Rajah 4.4.3.2 Maklumat Konferensi, Penerbitan dan Inovasi.pdf](#)
3. [F0023_A01_AB04_AC03_20233_Gambar Rajah 4.4.3.3 - Poster Poster Penerima Geran 2022.pdf](#)
4. [F0023_A01_AB04_AC03_20234_Gambar Rajah 4.4.3.4 Poster Klinik Geran Erasmus.pdf](#)
5. [F0023_A01_AB04_AC03_20235_Gambar Rajah 4.4.3.5 Poster Promosi Geran Padanan.pdf](#)

4.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Hasil penganalisaan data digunakan untuk proses **penambahbaikan berterusan dan juga penghasilan inovasi** dalam pengurusan penerbitan, penyelidikan dan pengkomersilan. Dalam memastikan penambahbaikan berterusan dan inovasi (Gambar Rajah 4.5.2). FPP melalui RENOVA juga menggunakan kaedah digital dalam menyampaikan maklumat secara berterusan seperti aplikasi *WhatsApp*, *Telegram*, dan *Facebook* (Gambar Rajah 4.5.1).

Selain itu, FPP juga telah mengenal pasti penyelidik berpotensi untuk menganggotai kumpulan penyelidikan seperti Entiti Kecemerlangan (EK), *Research Initiatives Group* (RIG) dan *Research Group* (RG). Kumpulan penyelidikan ini akan membantu dalam penambahbaikan berterusan dan inovasi. (Gambar Rajah 4.5.2). Program 'Research Mentors' juga diwujudkan dimana program ini telah berjaya menggilap bakat penulisan di kalangan pensyarah (Gambar Rajah 4.5.3).

Rekod penerbitan menunjukkan peningkatan dari tahun 2020 hingga ke tahun 2022. Untuk memastikan peningkatan yang berterusan, maka FPP telah mengambil beberapa inisiatif dengan menjalankan beberapa aktiviti yang melibatkan kumpulan sasaran seperti MEE, FBM Talents, RK, RIG dan RG. (Gambarajah 4.5.4).

SENARAI BUKTI :

1. [F0023_A01_AB05_20231_Gambar Rajah 4.5.1 Tangkapan Layar Facebook FPP.pdf](#)
2. [F0023_A01_AB05_20232_Gambar Rajah 4.5.2 Peningkatan Berterusan Penghasilan.pdf](#)
3. [F0023_A01_AB05_20233_Gambar Rajah 4.5.3 Program Research Mentors FPP.pdf](#)
4. [F0023_A01_AB05_20234_Gambar Rajah 4.5.4 Aktiviti MEE, FBM Talents, RK, RIG dan RG.pdf](#)
5. [F0023_A01_AB05_20235_Gambar Rajah 4.5.5 - Maklumat Konferensi, Penerbitan dan Inovasi.pdf](#)

KRITERIA 5: TUMPUAN KEPADA SUMBER MANUSIA

5.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

AKNC, AKNC, AKNC

Mercu pembudayaan kualiti,

Erti sebuah kecemerlangan kualiti kerja,

SUMBER MANUSIA

Tunggak pemangkin kecemerlangan FPP,

Bersatu teguh mengharungi perjuangan ini,

Daya saing tinggi warganya memacu kegemilangan FPP.

Tumpuan Penyelidikan & Penerbitan dan Pengkomersilan (3P) pada masa ini adalah peningkatan ketampakan pensyarah dalam penghasilan penyelidikan yang signifikan dan berkualiti, penerbitan yang berimpak tinggi, serta penghasilan produk dan perkhidmatan yang berinovatif dan kreatif. Pengurusan sumber manusia di Fakulti Pengurusan dan Perniagaan (FPP) **sangat komited dalam melestarikan pencapaian FPP** dan juga **mendokong aspirasi UiTM** bagi menempatkan UiTM dalam ranking terhebat di dunia.

Untuk menjayakan strategik bagi teras 3P, **Engagement seluruh warga FPP** yang merangkumi pensyarah dan staf sokongan adalah sangat dititikberatkan bagi memastikan sasaran yang dirangka tercapai berpandukan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang telah ditetapkan sejajar dengan tiga fokus utama teras 3P iaitu **1) “Rising Stars” 2) “One Staff One Grant” dan 3) “Research Beyond Boundaries”**. Justeru, keberkesanan **communication** amat penting dalam memastikan warga FPP maklum pada setiap perkara.

Umumnya, kaedah yang digunapakai bagi pengurusan sumber manusia serta menjayakan penyampaian perkhidmatan dalam bidak tumpuan 3P ini adalah tertakluk kepada **kekuatan dan kapasiti sumber manusia** khususnya pensyarah dan staff pentadbiran FPP. Namun begitu, bagi memastikan FPP sentiasa berdaya saing dalam aspek 3P, pelbagai aktiviti yang telah dilaksana bagi mengoptimumkan kapakaran dan pengalaman sumber manusia di kalangan Pengurusan tertinggi, pensyarah dan staf pentadbiran. FPP sangat **proaktif dalam memberikan latihan yang berterusan, menggalakan penubuhan kumpulan RIG/COE, memperkasakan pengkongsian kepakaran/kemahiran di peringkat nasional dan antarabangsa**. Penglibatan secara total daripada warga FPP amat signifikan dalam meningkatkan bilangan penyelidikan, penerbitan, kumpulan research group dan pendaftaran hak cipta.

Bagi menjamin kelestarian pencapaian melalui objektif dan inisiatif tumpuan sumber manusia, fakulti telah mengambil beberapa inisiatif dengan melihat kepada **tindakan pengurusan** terhadap maklumbalas sumber manusia. Pelbagai saluran dan kaedah digunakan untuk mengukur kepuasan hati dan aduan staf seperti menyediakan **saluran aduan (staf dan pelanggan), kajian/penilaian kepuasan hati staf (di peringkat UiTM dan FPP), maklumbalas warga/ketua bahagian** dalam mesyuarat-mesyuarat utama FPP seperti **JKEF, JAF, PPSM dan Mesyuarat Staf Akademik**. RENOVA sentiasa mengadakan ruang penkongsian(coaching) penyelidikan dan penerbitan kepada warganya. Selain itu, **pengurusan risiko secara berterusan dan sistematik** di FPP dapat mengenal pasti kelemahan dan halangan yang boleh menjejaskan operasi dalam mencapai hala tuju atau objektif universiti dan FPP.

Bagi memastikan kegemilangan fakulti dan memupuk budaya sentiasa berdaya saing di peringkat nasional mahupun antarabangsa, pelbagai program secara bersemuka atau

atas talian dijalankan, pemeteraian penjanjian dan persefahaman (MoU/MoA), dan mobiliti pensyarah serta staf pentadbiran dengan pihak industri dan universiti di dalam dan luar negara di adakan secara berterusan. Ini dapat dilihat melalui peningkatan pencapaian dan penglibatan FPP secara keseluruhan. Hal ini amat dititikberatkan oleh pihak pengurusan bagi memastikan bakat dan prestasi pensyarah serta staf pentadbiran tidak berada di satu tahap yang sama tetapi terus maju.

Pembudayaan 3P di FPP amat memberangsangkan kian tahun. FPP berjaya memperkasakan tiga fokus utama FPP iaitu Rising Star, 1 Staff 1 Grant, dan Research Beyond Boundaries dengan **penglibatan sumber manusia secara menyeluruh.**

5.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Kaedah Pengurusan Sumber Manusia

Perkembangan pengetahuan bergantung kepada keupayaan penyelidik. Untuk **menguruskan bakat staf** di FPP, Sistem Pengurusan Sumber Manusia FPP terbahagi kepada **empat proses utama iaitu 1) Pengambilan dan Pemilihan, 2) Latihan dan Pembangunan, 3) Prestasi dan Penilaian dan, 4) Ganjaran dan Pengekalan** (Gamba Rajah 5.2.1).

FPP melantik pensyarah dan penyelidik yang berkebolehan dan berkeupayaan tinggi dalam penghasilan penyelidikan & penerbitan dan pengkomersilan, dimana **52% daripada staf FPP berkelayakan PhD**. Pada sudut pandangan RENOVA, penyelidik diiktiraf mengikut bidang kepakaran mereka (Gamba Rajah 5.2.2).

Keupayaan staf FPP ditingkatkan secara berterusan melalui **program latihan dan peningkatan tahap kelayakan**. Keberkesanan program, latihan dan kemudahan nyata terserlah dimana **hasil penerbitan melangkaui sasaran** pada tahun 2022. Nyata terlihat sokongan dan kebebasan diberikan sebagai empowerment kepada staf FPP untuk terus maju. RENOVA telah juga menjalankan perancangan tahunan bersifat **SWOT analysis** (Gamba Rajah 5.2.3) untuk membuat **penambahbaikan dalam perancangan**.

Sistem Prestasi dan Penilaian memantau prestasi staf agar PI fakulti tercapai. Melalui inisiatif FPP seperti **Sesi Semakan Penerbitan** (Gamba Rajah 5.2.3), penambahbaikan dilakukan kepada bilangan penerbitan yang dihasilkan.

Sistem pengurusan sumber manusia di FPP juga menekankan kepentingan ganjaran dan pengekalan staf dimana pautan prestasi-ganjaran dikomunikasikan secara jelas agar staf dapat membentuk matlamat kerjaya mereka di FPP. **Ganjaran berbentuk monetari dan kemudahan bukan monetari** disediakan untuk memotivasikan kakitangan ke tahap yang lebih tinggi (Gambar Rajah 5.2.4).

Akhir sekali, **persepsi staf** terhadap galakkan yang diterima untuk menjalankan penyelidikan & penerbitan dan pengkomersilan (3P) menunjukkan **tren peningkatan** membuktikan **keberkesanan Sistem Pengurusan Sumber Manusia** yang dilaksanakan di FPP untuk 3P.

Keberkesanan Sistem Pengurusan Sumber Manusia untuk mencapai objektif 3P nyata terserlah dimana tren peningkatan pencapaian **PI dalam tempoh 3 tahun tercapai. 13 PI dicapai pada tahap cemerlang (100%) untuk 2022**. Sistem di FPP diiktiraf diperingkat antarabangsa melalui **program penandaarasan pendidikan dan kualiti oleh universiti antarabangsa** (Gamba Rajah 5.2.4).

Penghargaan dan Pengiktirafan

Penghargaan adalah penting sebagai satu bentuk pengiktirafan dan motivasi. Untuk memastikan pensyarah terus berusaha ke arah kecemerlangan, jenis-jenis penghargaan yang dijalankan adalah berbentuk perkongsian (*communicate*) pencapaian dan sokongan kewangan. Antara penghargaan dan pengiktirafan yang diberikan kepada pensyarah adalah, perkongsian poster pencapaian di peringkat fakulti untuk pencapaian seperti: **a) UiTM Top Author, 2) Penerbitan berwasit, 3) Perolehan geran, dan 4) Penghantaran kertas cadangan FRGS** (Gambar Rajah 5.2.5). Selain itu, pencapaian-pencapaian ini juga diiktiraf di majlis penghargaan '**Jewel in the Crown**' di peringkat fakulti dimana hadiah dan sijil diberikan. Sokong kewangan juga diberikan untuk memupuk aktiviti penyelidikan secara berterusan. Antara insentif kewangan yang diberikan termasuk, **1) Insentif yuran penerbitan prosiding berindeks WOS/Scopus 2022 dan; 2) Geran peringkat nasional berjumlah RM 1,629,360** (Pencapaian PI 100%) diedarkan kepada kakitangan yang berkecenderungan terhadap menjalankan penyelidikan.

SENARAI BUKTI:

1. [F0023_S01_SB02_20231_Gambar Rajah 5.2.1 Sistem Pengurusan Sumber Manusia di FPP.pdf](#)
2. [F0023_S01_SB02_20232_Gambar Rajah 5.2.2 Maklumat Staf FPP.pdf](#)
3. [F0023_S01_SB02_20233_Gambar Rajah 5.2.3 SWOT RENOVA & Semakan Penerbitan.pdf](#)
4. [F0023_S01_SB02_20234_Gambar Rajah 5.2.4 Galakkan Untuk 3P & Penandaarasan.pdf](#)
5. [F0023_S01_SB02_20235_Gambar Rajah 5.2.5 Penghargaan & Pengiktirafan.pdf](#)

5.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Kaedah pengurusan RENOVA adalah berdasarkan perancangan tahunan dimana langkah-langkah ini dipraktikkan; **1) Kenal pasti aktiviti, 2) Promosi, 3) Laksana dan 4) Nilai Semula**. Semasa pelaksanaan program, RENOVA memupuk **open communication** dimana penyelidik dapat berkongsi kekangan dan mendapatkan sokongan melalui perundingan. Dengan menggunakan pendekatan ini, RENOVA dapat menjamin program dijalankan secara **berintegriti dan inklusif**.

Perancangan strategik RENOVA menghasilkan lebih daripada 14 bidang tindakan untuk mencapai PI FPP. Setiap bidang tindakan bertujuan untuk meningkatkan lagi ketampakkan pensyarah dalam penyelidikan, penerbitan dan pengkomersilan, menjana **engagement** pensyarah dan memberikan sokong padu agar pensyarah terus maju.

Bidang-bidang tindakan untuk **mengoptimumkan kepakaran** boleh dikategorikan kepada **empat bahagian** iaitu:

Penyelidikan:

Empat bidang tindakan termasuk, 1) **bengkel-bengkel penyediaan dan pemurniaan kertas cadangan geran penyelidikan**, 2) memperoleh **matching grant daripada universiti luar**, 3) memperoleh **matching grant daripada universiti tempatan**, dan, 4) **kerjasama penyelidikan dengan universiti luar melalui MOA** (Gambar Rajah 5.3.1).

Setiap program ini bertujuan untuk memantapkan kebolehan pensyarah untuk mengemukakan cadangan penyelidikan, melalui bimbingan dan kerjasama dengan penyelidik kurang berpengalaman dan yang lebih berpengalaman. Perolehan dana geran melalui kerjasama luaran memanfaatkan sepenuhnya kerjasama antarabangsa dari segi pengetahuan dan dana kewangan.

Penerbitan:

Untuk meningkatkan kompetensi dan kebolehan pensyarah untuk menjalankan penyelidikan, bidang tindakan bertumpu kepada 1) **sesi dengan pakar**, 2) **sesi bersama penyelidik berpengalaman**, 3) **program Rising Stars**, 4) **penyediaan insentif penerbitan** dan 5) **penyediaan jurnal penerbitan** (Gambar Rajah 5.3.2 & Gambar Rajah 5.3.3)

Memandangkan pensyarah mempunyai pengalaman yang berbeza dalam penyelidikan, kerjasama antara penyelidik dengan bidang kepakaran berlainan digalakkan. Program Rising Stars juga dipraktikkan supaya keyakinan dibina secara beransur-ansur dan penyelidik **empowered** untuk mengendalikan penyelidikan.

Pengkomersilan:

Kebolehan pensyarah untuk menghasilkan *intellectual property*, copyright dan inovasi diperkasakan melalui bidang tindakan seperti 1) **konsultasi**, 2) **kerjasama dengan BITCOM** dan 3) **penglibatan pensyarah didalam pertandingan inovasi** (Gambar Rajah 5.3.4).

Kerjasama antara FPP dengan BITCOM adalah untuk mendapat nasihat dan panduan untuk mencapai penghasilan inovasi. Sementara itu, FPP juga menggalakkan pensyarah untuk bersaing dalam pertandingan inovasi dalaman dan luaran yang diiktiraf oleh BITCOM.

Kesimpulannya, keberkesanan pengurusan dalam mengoptimumkan kepakaran dan pengalaman sumber manusia menyumbang kepada pencapaian yang membanggakan FPP (Gambar Rajah 5.3.5)

SENARAI BUKTI :

1. [F0023_S01_SB03_20231_Gambar Rajah 5.3.1 Penyelidikan.pdf](#)
2. [F0023_S01_SB03_20232_Gambar Rajah 5.3.2 Penerbitan.pdf](#)
3. [F0023_S01_SB03_20233_Gambar Rajah 5.3.3 Special Issue & Yuran.pdf](#)
4. [F0023_S01_SB03_20234_Gambar Rajah 5.3.4 Pengkomersilan & Konsultansi.pdf](#)
5. [F0023_S01_SB03_20235_Gambar Rajah 5.3.5 Anugerah Pengiktirafan Peringkat UiTM dan Antarabangsa.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

5.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

FPP sentiasa memastikan tahap kepuasan hati dan aduan warganya diberi perhatian dan diambil tindakan dalam memastikan kepuasan hati staf melebihi sasaran ditetapkan. Pelbagai saluran dan kaedah digunakan untuk mengukur kepuasan hati dan aduan staf seperti menyediakan **saluran aduan (staf dan pelanggan), kajian/penilaian kepuasan hati staf (di peringkat UiTM dan FPP), maklumbalas warga/ketua bahagian** dalam mesyuarat-mesyuarat utama FPP seperti **JKEF, JAF, PPSM dan Mesyuarat Staf Akademik** serta penilaian kualiti prestasi/ maklumbalas audit dalam yang dijalankan di FPP.

Hasil dari maklumbalas staf melalui saluran di atas, FPP mendapati tahap kepuasan hati dan aduan sumber manusia terhadap persekitaran dan sistem kerja berada ditahap yang baik serta meningkat daripada **68% pada tahun 2018, 70% pada tahun 2020** (Gambarajah 5.4.1.1) kepada **76% pada tahun 2021** (Gambar Rajah 5.4.1.2). Berdasarkan kepada **UFI 4.0 (2021)** kepuasan hati staf dalam beberapa domin penilaian seperti berikut:

- Kemudahan fizikal/peralatan pejabat – 76.1%
- Kemudahan ICT – 74.9%
- Proses kerja/prosedur – 77.3%
- Persekitaran kesihatan/keselamatan – 76.1%
- Kemudahan dan kebajikan 78.6%
- Peluang kemajuan kerja/naik pangkat – 68%
- Pembangunan diri/latihan – 76.6%
- Penyelidikan – 72.4%
- Penerbitan – 74.8%

Manakala tahap kepuasan hati staf melalui **sistem e-Aduan Fasiliti** (bagi bangunan PFI di UCS) berada ditahap **99.32%** sehingga Disember 2022 (Gambar Rajah 6.4.1.3)

Maklumbalas, aduan dan kepuasan hati staf dianalisa dan diambil tindakan bagi memastikan penambahbaikan dapat dilaksanakan sebagai usaha meningkatkan kualiti perkhidmatan, penambahbaikan proses, kebajikan dan kemudahan kepada warga FPP. Keperluan staf dikenalpasti dan diberi keutamaan dalam agihan peruntukan bagi memastikan kepuasan hati staf berada di tahap cemerlang. FPP juga menyediakan **saluran aduan dalam talian/imbasan QR code dan emel rasmi FPP (fbm@uitm.edu.my)** supaya staf dapat menyampaikan aduan dan maklumbalas kepada pihak pengurusan secara terus (Gambar Rajah 5.4.1.4).

Analisa kepuasan hati staf FPP berkaitan bidang tumpuan (Gambar Rajah 5.4.1.5) **dilaporkan dalam JKEF/PPSM pada penghujung tahun** bagi membolehkan ketidakpuasan hati dan cadangan yang dikemukakan oleh staf diambil tindakan dan melaksanakan penambahbaikan. Tindakan terhadap aduan dan penambahbaikan yang dicadangkan oleh staf diagihkan kepada ketua-ketua bahagian/unit mengikut skop tugas dan fungsi jabatan berkenaan berpandukan kepada proses aduan dan pengurusan pelanggan FPP.

SENARAI BUKTI:

1. [F0023_S01_SB04_SC01_20231_Gambar Rajah 5.4.1.1 Laporan Analisis Awalan UHI3.0.pdf](#)
2. [F0023_S01_SB04_SC01_20232_Gambar Rajah 5.4.1.2 Laporan Infografik UHI4.0 Edisi Kedua COVID-19.pdf](#)

3. [F0023_S01_SB04_SC01_20235_Gambar Rajah 5.4.1.3 Laporan Penyelenggaraan Fasiliti.pdf](#)
4. [F0023_S01_SB04_SC01_20234_Gambar Rajah 5.4.1.4 - Sistem Aduan dan Tempahan Bilik di FPP.pdf](#)
5. [F0023_S01_SB04_SC01_20235_Gambar Rajah 5.4.1.5 Ringkasan Laporan Penilaian Tahap Kepuasan Hati Staf FPP 2020-2022.pdf](#)

5.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Sumber Manusia merupakan penggerak utama dalam pengoperasian fakulti terutamanya dalam menjayakan aktiviti penyelidikan, penerbitan dan pengkomersilan di FPP. Pengurusan risiko yang sistematik dilaksanakan untuk memastikan pengoperasian FPP berkesan terutamanya dalam pengurusan dan pembangunan sumber manusia. **Perwujudan Jawatankuasa Pengurusan Risiko dapat memastikan pengurusan risiko FPP termasuk risiko SM dilaksana, dikendali, dianalisa dan dikawal sepenuhnya** (Gambar Rajah 3.4.2.1).

Risiko SM di FPP dikategorikan kepada tiga (3) risiko iaitu **risiko strategik, risiko reputasi dan risiko operasi**. Risiko strategik merujuk kepada pelaporan pencapaian strategik tidak lengkap yang akan menyebabkan pencapaian fakulti dilaporkan tidak menyeluruh. Risiko ini menyebabkan KPI yang dipertanggungjawabkan kepada FPP tidak dicapai terutamanya dalam pelaksanaan Penyelidikan, Penerbitan dan Inovasi Fakulti. Risiko reputasi merujuk kepada kemalangan atau kecederaan staf semasa bertugas termasuk kemalangan fizikal. Risiko yang menjejaskan operasi pula adalah kemudahan/fasiliti yang lama dan usang, kerosakan/kecurian harta benda FPP akibat vandalisme/bencana alam, kekurangan tenaga sumber manusia dan ancaman penyakit berjangkit yang boleh mendatangkan maut.

Pengurusan risiko secara berterusan dan sistematik di FPP dapat mengenal pasti kelemahan dan halangan yang boleh menjejaskan operasi dalam mencapai hala tuju atau objektif universiti merangkumi risiko strategi, sumber manusia, akademik, penyelidikan, tadbir urus dan pengurusan pelajar. FPP mewujudkan **daftar risiko** bagi setiap bahagian/unit (Gambar Rajah 5.4.2.2) yang dirangka dan diperkemas melalui pelaksanaan Mesyuarat Pengurusan Risiko secara berkala serta mesyuarat pelarasan di peringkat bahagian/unit (Gambar Rajah 5.4.2.3). **Daftar Risiko FPP** menyenarai, mengenal pasti risiko, cadangan penambahbaikan dan tindakan pembetulan. FPP merancang, mengurus dan melaksanakan pencapaian pelaksanaan maklum balas warga/staf dengan lebih cepat dan efektif. **Semua warga FPP dilibatkan dalam pengurusan risiko** melalui hebahan semasa taklimat, mesyuarat dan saluran komunikasi di peringkat jabatan seperti emel. Latihan dan bengkel melibatkan risiko diadakan dari semasa ke semasa bagi memberi pendedahan dan kesedaran kepada warga UiTMCS.

Pengurusan risiko FPP dilaksanakan **secara menyeluruh** termasuklah berkaitan bidang tumpuan bagi merancang tindakan pencegahan dan menetapkan kaedah kawalan jika berlaku risiko yang telah dikenal pasti. Jawatankuasa Pengurusan Risiko FPP yang ditubuhkan bertanggungjawab untuk mengenal pasti jenis risiko, merancang tindakan kawalan, tindakan alternatif dan tindakan penambahbaikan di FPP sebagai langkah untuk memastikan kepuasan hati staf berada pada tahap yang memuaskan dan melestarikan prestasi perkhidmatan secara berterusan (Gambarajah 5.4.2.4).

SENARAI BUKTI :

1. [F0023_S01_SB04_SC02_20231_Gambar Rajah 5.4.2.1 Maklumat Jawatankuasa Risiko FPP.pdf](#)
2. [F0023_S01_SB04_SC02_20232_Gambar Rajah 5.4.2.2 Maklumat Daftar Risiko FPP Tahun 2022.pdf](#)
3. [F0023_S01_SB04_SC02_20233_Gambar Rajah 5.4.2.3 Minit Mesyuarat AJK Pemilik Risiko FPP Tahun 2022.pdf](#)
4. [F0023_S01_SB04_SC02_20234_Gambar Rajah 5.4.2.4 Panduan Pengurusan Risiko UiTM.pdf](#)
5. [F0023_S01_SB04_SC02_20235_Jadual 5.4.2.5 Risiko Sumber Manusia FPP.pdf](#)

5.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

FPP mewujudkan **pelbagai inisiatif** dilaksanakan bagi memastikan **persekitaran kerja dan sistem kerja yang kondusif** khususnya melibatkan usaha-usaha menambahbaik dan menaik taraf kemudahan infrastruktur, proses, sistem dan tadbir urus dan kebajikan staf di FPP.

Sistem pengurusan kerja dibangunkan bagi menyokong dan memudahkan pengoperasian fakulti bagi meningkatkan kecekapan dan mempercepatkan proses. Sistem di bangunkan oleh staf FPP mulai 2017 secara berperingkat dan hingga 2022 terdapat **enam (6) sistem yang di guna pakai oleh staf FPP iaitu HRIS (Human Resource Information System), RIIS (Research, Innovation, Industry & Community Information System), CFIS (Course File Information System), STIS (Student Industrial Training Information System), SAIS (Student Activities Information System) dan ETIS (e-Certificate Training Information System)**Kelebihan sistem adalah dapat mengemaskini aktiviti staf FPP dalam pelaksanaan pembangunan staf, akademik, penyelidikan dan inovasi serta pengurusan aktiviti pelajar (Gambar Rajah 5.4.3.1).

FPP menggunakan sepenuhnya sistem HR2U dalam melaksanakan sistem kerja/proses sumber manusia bagi **mempercepatkan proses pentadbiran, menyelenggara rekod secara dalam talian dan menganalisa data sumber manusia**. Ini membolehkan sistem kerja dilaksanakan dengan berkesan, pantas dan mematuhi peraturan yang berkuatkuasa. Proses yang mencepatkan tindakan/keputusan dan menyelenggara rekod-rekod perkhidmatan dengan baik akan meningkatkan kepuasan hati dan kegembiraan staf secara keseluruhannya (Gambarajah 5.4.3.2).

FPP bertindak kepada **maklumbalas warga** melalui perbincangan dan keputusan mesyuarat utama seperti **JKEF dan Mesyuarat Staf Akademik yang diadakan secara berkala**. Aduan dan maklumbalas staf berkaitan penambahbaikan perkhidmatan dan operasi jabatan diagih kepada KB/KU/KPP untuk dibincang dan diambil tindakan.

Tadbir urus yang baik dapat mengurangkan ketidakpuasan hati staf melalui pendekatan yang lebih sistematik apabila empat mesyuarat utama membincang dan memutuskan hal ehwal sumber manusia secara menyeluruh. Mesyuarat JKEF dan PPSM yang dihadiri oleh kepimpinan FPP menjadi saluran perbincangan isu/masalah staf dan pelaksanaan proses-proses kerja di FPP (Gambarajah 5.4.3.3). Mesyuarat/jawatankuasa yang diwujudkan di peringkat jabatan/operasi juga berperanan menyelesaikan masalah dan ketidakpuasan hati staf secara dalaman mengikut skop dan tanggungjawab jawatankuasa yang diwujudkan.

Aduan staf melalui **e-Aduan Fasiliti (PFI)** terhadap kerosakan dan penyelenggaraan diambil tindakan segera dan diberi keutamaan bagi memastikan persekitaran kerja kondusif. Pada tahun **2022, 53% aduan fasiliti diberi respons dalam tempoh 1 jam dari masa aduan diterima dan 73.43% aduan diselesaikan dalam tempoh 3 hari bekerja** (Gamba Rajah 5.4.3.4).

SENARAI BUKTI :

1. [F0023_S01_SB04_SC03_20231_Gambar Rajah 5.4.3.1 Modul Utama Sistem FB MIS.pdf](#)
2. [F0023_S01_SB04_SC03_20232_Gambar Rajah 5.4.3.2 Sistem HR2U.pdf](#)
3. [F0023_S01_SB04_SC03_20233_Gambar Rajah 5.4.3.3 Takwim ME dan PPSM FPP 2022.pdf](#)
4. [F0023_S01_SB04_SC03_20234_Gambar Rajah 5.4.3.4 Laporan Bulanan Aduan Fasiliti.pdf](#)
5. [F0023_S01_SB04_SC03_20235_Gambar Rajah 5.4.3.5 Surat Kelulusan.pdf](#)

5.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

FPP mengambil pendekatan dinamik dalam penambahbaikan pengurusan sumber manusia bagi membantu warga fakulti melakukan transformasi 3P yang cemerlang. FPP yakin melaksanakan pengurusan **inclusivity** yang merangkumi **pemerhatian awal, perancangan, pelaksanaan, pemantauan dan penambahbaikan berterusan** dalam usaha memantapkan dan pengurusan dan pembangunan staf serta membudayakan 3P di FPP. Setiap warga FPP diterapkan nilai **accountability** dan **integrity** dalam penghasilan 3P. FPP sentiasa melakar sejarah dengan keberhasilan pensyarah FPP yang mendapat pengiktirafan di UiTM mahupun antarabangsa seperti **Top Publication Q1, Q2** dan sebagainya. Jadual 5.5.1 menunjukkan FPP menyokong dan membantu proses **pendaftaran Hak Cipta (MyIPO)**.

Bagi memastikan pensyarah terus aktif dalam membudayakan 3P, RENOVA melaksanakan pelbagai inisiatif yang memberi **empowerment** kepada pensyarah dalam pembentukan kumpulan dan kaedah pelaksanaan. **Delegation** kerja juga diaplikasi dengan kejayaan **Penubuhan Research Group (RG) dan Research Interest Group (RIG)** (Gamba Rajah 5.5.1) bagi membudayakan aktiviti 3P di FPP. Pelbagai webinar dan bengkel berterusan yang mengoptimumkan kepakaran sedia ada mahupun **engagement** daripada pihak luar daripada dalam atau luar negara telah dilaksanakan bagi memenuhi aspirasi FPP untuk terus cemerlang 3P. Inisiatif-inisiatif ini diperluaskan di peringkat PTJ FPP seluruh Malaysia dengan penglibatan pensyarah dan pelajar pascasiswazah FPP. Gambar Rajah 5.5.2 menunjukkan jumlah **penyeliaan pelajar pascasiswazah** dan ini secara tidak langsung menyumbang kepada peratusan pencapaian 3P.

Selain itu, FPP turut memberi inisiatif **Pembiayaan Penerbitan Artikel** bagi menghargai usaha keras warga yang menerbitkan kertas kajian yang berimpak tinggi setiap tahun mengambil kira kriteria berikut:

- a) Jumlah pembiayaan yang dimohon tidak melebihi dari RM400 atau lebih rendah mengikut resit bayaran penerbitan.
- b) Pembiayaan sebanyak 100% dari jumlah yuran penerbitan (atau maksimum RM400) akan dipertimbangkan bagi artikel yang mempunyai 3 kumpulan kolaborator, 80% bersamaan maksimum RM320 (2 kumpulan kolaborator) dan 60% bersamaan maksimum RM240 (1 kumpulan kolaborator).
- c) Pembiayaan sebanyak 50% dari jumlah yuran penerbitan atau maksimum RM200 akan dipertimbangkan bagi artikel yang tidak mempunyai (co-author) dari industry, universiti tempatan atau university luar Negara.

FPP telah merealisasikan acara gemilang **Majlis Apresiasi “Jewel In Crown”** (Gambar Rajah 5.5.3) bagi memberi penghargaan dan pengiktirafan kepada warganya dalam menghargai dan meningkatkan penglibatan sumber manusia secara menyeluruh. Pembudayaan majlis tahunan ini menyuntik semangat warga FPP kerana mereka amat gembira di atas penghormatan dan lebih berusaha serta bekerja sepenuh hati. Selain itu, RENOVA giat mengemaskini kini tahap pencapaian FPP dan mewar-warkan kepada warga FPP dengan menghasilkan **poster pencapaian dan perkongsian kata-kata motivasi** (Gambar Rajah 5.5.3) pada setiap hari jumaat bagi menyuntik semangat 3P bagi setiap warga FPP khususnya pensyarah. FPP juga memberi ucapan penghargaan melalui website fakulti, emel serta medium seperti whatsapp/telegram bagi setiap kejayaan yang dicapai oleh setiap staf FPP.

Dalam membudayakan 3P ini juga, FPP rancak menganjurkan konferen seperti **ABRIC, OISMIC2021, VIIC2021, Macfea-FBM 2022** (GambaRajah 5.5.4). Kejayaan besar ini berjaya bukan sahaja **menghasilkan penerbitan yang tinggi** malahan **peningkatan kolaborasi penglibatan di peringkat antarabangsa** seperti rakan kerjasama konferensi, *editor* dan *reviewer* dan juga penerbitan bersama (GambaRajah 5.5.4). Program **Virtual International Innovation, Invention Competition (VIIC)** juga diadakan bagi mendokong inovasi dan pengkomersilan (Gambarajah 5.5.4). Penglibatan daripada pihak universiti dan industri di

peringkat dalam negara dan luar negara berjaya mengimarkan kejayaan program ini.

SENARAI BUKTI :

1. [F0023_S01_SB05_20231_Jadual 5.5.1 Senarai Kumpulan Research Group & Research Initiative Group.pdf](#)
2. [F0023_S01_SB05_20232_Gambar Rajah 5.5.1 Maklumat Hak Cipta \(MyIPO\).pdf](#)
3. [F0023_S01_SB05_20234_Gambar Rajah 5.5.3 - Majlis Penghargaan "Jewel of Crown".pdf](#)
4. [F0023_S01_SB05_20235_Gambar Rajah 5.5.4 - Maklumat Konferensi, Penerbitan dan Inovasi.pdf](#)
5. [F0023_S01_SB05_20235_Gambar Rajah 5.5.2 Jumlah Penyeliaan Pascasiswazah.pdf](#)

KRITERIA 6 : TUMPUAN KEPADA OPERASI

6.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

AKNC, AKNC, AKNC

Mercu pembudayaan kualiti,

Erti sebuah kecemerlangan kualiti kerja.

OPERASI

Ketangkasan tadbir urus tidak disangkal,

Sistem pengurusan efektif menjadi penandaaras,

Bukti kecekapan pengurusan sistematik dan dinamik.

Dalam persekitaran penyelidikan yang dinamik, kecekapan tadbir urus adalah penting. FPP telah membuktikan betapa pentingnya **ketangkasan dalam membuat keputusan, merancang, dan melaksanakan projek-projek penyelidikan dan penerbitan**. Ini bagi memastikan aktiviti penyelidikan berjalan lancar dan efisien. Sistem pengurusan yang efektif adalah penanda aras kejayaan dalam penyelidikan dan inovasi. FPP telah memperkenalkan sistem pengurusan yang berstruktur untuk menguruskan aktiviti penyelidikan serta memantau pencapaian KPI. FPP telah membuktikan kecekapan pengurusan yang sistematik dan dinamik melalui pelbagai inisiatif dan langkah-langkah yang dilaksanakan. Penggunaan kaedah seperti program MEE dan bengkel penyelidikan dan penerbitan menunjukkan betapa pentingnya pendekatan berstruktur untuk mencapai hasil yang diinginkan dalam bidang penyelidikan dan inovasi. Kesemua prinsip di atas tidak hanya memberi nilai tambah kepada operasi penyelidikan dan inovasi FPP, tetapi juga membantu mengangkat kedudukan universiti dalam peringkat antarabangsa.

Bagi pengoperasin penyelidikan, penerbitan dan inovasi di FPP, ianya dikelolakan oleh RENOVA, yang mana ini adalah unit di bawah Timbalan Dekan (Penyelidikan dan Inovasi) FPP dipertanggungjawabkan untuk **merancang, melaksana, memantau, mengurus risiko, mengkaji semula dan melapor** aktiviti-aktiviti berkaitan pengoperasian Penyelidikan & Penerbitan dan Pengkomersilan (3P). FPP telah mengenalpasti **tujuh (7) tumpuan operasi** dalam mengukuhkan usaha dalam bidang penyelidikan dan penerbitan berimpak tinggi serta berusaha untuk meningkatkan kedudukan universiti di peringkat antarabangsa seperti dalam penilaian **Penarafan QS World University, Times Higher Education (THE), skor MyRA dan SETARA**.

FPP sangat komited dalam **merancang pelan operasi** dalam mencapai sasaran yang ditetapkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi. Perancangan FPP adalah bagi meningkatkan jumlah penerbitan dan perolehan geran oleh pensyarah bagi mencapai sasaran **Globally Renowned University (GRU)** yang berdaya saing di persada akademik dan industri luar.

Beberapa **pelaksanaan** telah diambil seperti mengadakan bengkel-bengkel penulisan dan metodologi, program Monitor, Enforce, Execute (MEE) dan sebagainya. Manakala bagi mencapai sasaran penerbitan, RENOVA telah mengadakan program MEE kepada pensyarah yang terlibat berdasarkan senarai nama daripada RENEU. Tujuan program ini adalah untuk mencapai sasaran penurunan jumlah peserta MEE, mempelbagaikan jenis-jenis penerbitan terutamanya oleh peserta MEE, memberi inisiatif penerbitan dalam bentuk pembayaran yuran penerbitan, dan peluang menerbitkan artikel di dalam special issue journal untuk menggalakkan setiap pensyarah menjadi corresponding author. FPP turut menyediakan kelengkapan yang kondusif kepada pensyarah untuk melalukan penyelidikan.

Pemantauan telah dilakukan untuk memastikan keberkesanan pelaksanaan dan juga

mengurangkan risiko bagi semua aktiviti pengoperasian penyelidikan pada tahun 2022 seterusnya meningkatkan jumlah KPI yang telah digariskan oleh universiti.

Beberapa risiko telah dikenal pasti dan FPP perlu berbangga kerana telah berjaya **menguruskan risiko** tersebut dengan berkesan dan cekap. Langkah-langkah termasuk mengadakan bengkel penyelidikan dan penerbitan, menyediakan keadaan yang kondusif, membentuk kumpulan penyelidikan, memberikan insentif bagi penyelidikan berkualiti tinggi, serta melibatkan penyelidik dalam kolaborasi dan rangkaian profesional untuk meningkatkan penerbitan dan kejayaan dalam memperoleh geran.

FPP menyedari keupayaan penyelidikan dalam meningkatkan kualiti hidup masyarakat. Oleh itu, **pembudayaan penyelidikan** dikalangan pensyarah penting agar mampu memberi manfaat kepada komuniti dan masyarakat. Antara pembudayaan yang dilakukan adalah dengan memberi penghargaan kepada pensyarah yang menjayakan sasaran penyelidikan, penerbitan dan pengkomersilan di FPP.

6.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Bagi mencapai KPI ditetapkan oleh Unit Penyelidikan dan Jaringan Industri, pelbagai pendekatan operasi telah dirancang secara teliti, terutama dalam konteks aktiviti-aktiviti seperti penerbitan, penyelidikan geran, dan inovasi. FPP menekankan **LIMA (5) tumpuan operasi iaitu** (rujuk Gambar rajah 6.2.1):

1. Mengadakan bengkel penyelidikan dan penerbitan

Bagi meningkatkan jumlah penerbitan, terutamanya sebagai *corresponding author*, RENOVA telah mengadakan bengkel seperti Bengkel FRGS, Bengkel *Erasmus+* dan lain-lain bengkel yang berkaitan bagi membantu pensyarah memperoleh geran nasional seperti FRGS. Manakala, bagi mencapai KPI penulisan, pelbagai bengkel penerbitan artikel telah diadakan bertujuan membantu pensyarah mencapai KPI penulisan pada tahun 2022 seperti Bootcamp Workshop, FBM Research Leaders, penulisan artikel surat khabar, dan bengkel-bengkel metodologi. Poster untuk mewar-warkan maklumat bengkel adalah seperti dalam gambar rajah 6.2.2.

2. Meningkatkan jumlah geran dan penyelidik utama melalui *matching grant* bersama universiti antarabangsa.

FPP sangat mengalakkan pensyarah memohon geran bagi meningkatkan bilangan penyelidik utama, terutamanya untuk geran dalaman, geran kebangsaan dan juga geran antarabangsa seperti **Research Beyond Boundries** – contohnya ERASMUS++ dan *Matching Research Grant* dan penerbitan bersama-sama universiti luar negara. Melalui fokus ini, FPP telah memacu kerjasama dengan industri dan universiti antarabangsa ditingkatkan melalui **Memorandum Persefahaman (MoU)** atau **Memorandum Persefahaman (MoA)**. Tujuannya untuk memperluaskan jaringan dan membangunkan hubungan yang lebih kukuh bersama industri dan universiti antarabangsa. Hubungan ini membantu dalam penampakan fakulti di peringkat antarabangsa dan diperkukuhkan lagi dengan lawatan ke universiti antarabangsa dan program jaringan industri. Lawatan antarabangsa bertujuan bagi memperluaskan kerjasama akademik melalui *Matching Grant* yang membantu meningkatkan KPI geran terutamanya geran antarabangsa. Ini mengalakkan keterlibatan fakulti di dalam penyelidikan dan projek kolaboratif dengan institusi antarabangsa. Gambar rajah 6.2.3 menunjukkan maklumat MoA dan MoU dan juga pensyarah yang berjaya memperoleh *matching grant* dengan universiti antarabangsa.

3. Mengadakan Konferensi Antarabangsa

FPP juga telah mengadakan beberapa konferensi antarabangsa seperti **ABRIC** (*Advances in Business Research International Conference*), dan **MACFEA** (*Malaysia Consumer and Family Economy Association*) agar pensyarah dapat memperluaskan hubungan bersama industri dan universiti dalam negara mahupun luar negara. Rujuk gambarajah 6.2.4 untuk melihat poster konferensi FPP 2022.

4. Memperhebatkan program MEE (Raising Stars) FPP

Program MEE atau *rising stars* dilihat menghasilkan perkembagan positif kepada kemajuan jumlah penerbitan FPP pada tahun 2021. Justeru, program ini diteruskan lagi pada 2022 dengan inisiatif yang lebih mantap dan tersusun. Program ini melibatkan pensyarah yang tidak menjadi *corresponding author* pada penerbitan tahun 2021, berdasarkan data dari unit RENEU UiTM.

5. Penerbitan *special issue*

RENOVA telah berjaya memperkembangkan inisiatif penerbitan dengan memperkenalkan penerbitan *special issue* di dalam beberapa jurnal berindeks *Excellence in research for Australia* (ERA). Pensyarah adalah digalakkan untuk menjadi *corresponding author* kepada artikel penerbitan mereka pada tahun 2022. PJI juga telah membantu penulis atau pensyarah dengan memberi insentif pembayaran yuran penerbitan mengikut syarat-syarat di dalam garis

panduan.

SENARAI BUKTI:

1. [F0023_O01_OB02_20231_Gambar Rajah 6.2.1 Tumpuan Operasi FPP tahun 2022.pdf](#)
2. [F0023_O01_OB02_20232_Gambar Rajah 6.2.2 Poster-poster Bengkel Penyelidikan dan Penerbitan.pdf](#)
3. [F0023_O01_OB02_20233_Gambar Rajah 6.2.3 Contoh MoU & MoA.pdf](#)
4. [F0023_O01_OB02_20234_Gambar Rajah 6.2.4 Persidangan.Konferensi Antarabangsa Tahun 2022.pdf](#)

6.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Pihak PJI yang dibantu oleh RENOVA sangat mengalakkan peningkatan jumlah penyelidikan dan penerbitan dikalangan staf fakulti. Bagi memperluaskan aktiviti geran, FPP telah mengadakan beberapa bengkel pemantapan kertas kerja geran sama ada geran dalaman atau antarabangsa. Pelbagai bengkel telah dilaksanakan seperti semasa pembukaan geran DDF 2022 dan geran FRGS 2022, unit RENOVA telah membuat hebahan pembukaan geran kepada staf fakulti melalui *e-mel*, aplikasi *whatsapp* serta laman sesawang fakulti dan permohonan adalah melalui aplikasi *Google Form*.

Seperti yang dirancang oleh RENOVA dalam mempertingkatkan jumlah penerbitan dan penyelidikan geran, sebanyak Sembilan (9) bengkel telah dilaksanakan termasuklah bengkel metodologi dan juga pemantapan geran penyelidikan. Pensyarah yang berminat untuk menyertai bengkel-bengkel ini hendaklah membuat pendaftaran di dalam sistem FBMS-HRIS bagi memudahkan proses pendaftaran seterusnya mendapatkan sijil penyertaan dengan mudah dan pantas. Selain itu, sistem ini juga dapat merekodkan kehadiran dan jam latihan untuk pensyarah yang terlibat. Jadual 6.3.1 pengoperasian bengkel di dalam sistem FBMS-HRIS dan Gambar rajah 6.3.2 menunjukkan tatacara pendaftaran pensyarah bagi bengkel-bengkel penerbitan di dalam sistem FBMS-HRIS. **Keberkesanan bengkel** yang telah dianjurkan dapat dikenal pasti melalui jumlah penglibatan peserta yang signifikan dalam program tersebut. Tambahan pula, seramai 32 pensyarah FPP telah mengemukakan kertas cadangan untuk memohon geran FRGS.

Dalam memperkembangkan lagi kolaborasi penerbitan dan penyelidikan luar, FPP telah berjaya mengikat hubungan memorandum antarabangsa bersama beberapa university luar. Antaranya adalah **bersama Universitas Multimedia Nusantara, Universitas Negeri Surabaya, Universiti of Ajman, Skyline Universiti Colleg**, Middlesex University Dubai dan beberapa universiti antarabangsa lain. Antara contoh majlis *Memorandum Persefahaman* (MoU) adalah bersama Middlesex University Dubai yang termeterai pada Mac 2022 melalui aplikasi *Google Meet*. Kolaborasi penerbitan juga diperluaskan melalui inisiatif penerbitan *special issue* yang terbuka kepada semua pensyarah FPP terutamanya peserta program MEE dalam mengalakkan penulisan sebagai *corresponding author* yang seterusnya membantu pensyarah mencapai KPI penerbitan masing-masing. Antara jurnal yang terlibat adalah *Journal of Entrepreneurship, Business and Economics* (JEBE), *Empirical Economics Letters* (EEL) dan juga *Korean Review of International Studies* (KRI). Proses pengoperasian *special issue* adalah seperti di Gambar rajah 6.3.3 dan jurnal-jurnal terlibat ditunjukkan dalam gambar rajah 6.3.4.

Inisiatif penerbitan juga ditawarkan kepada pensyarah termasuk peserta MEE bagi membantu dalam pembayaran yuran penerbitan seperti penerbitan di dalam *Korean Review of International Studies* (KRI) dan bukti pengoperasian permohonan ditampilkan dalam gambar rajah 6.3.5. Peratusan pembiayaan adalah tertakluk kepada garis panduan yang digariskan oleh PJI FPP.

Bagi fokus pengoperasian MEE pula, satu aktiviti yang dinamakan Bengkel MEE telah dijalankan pada setiap hari Jumaat di bilik khas untuk kegunaan penyelidikan yang dinamakan sebagai **Bilik RENOCAN**. Bilik ini dilengkapi dengan pelbagai kemudahan untuk meningkatkan kecekapan dan produktiviti penulisan artikel seperti komputer, pencetak, alat tulis, minuman dan makanan ringan. Bilik ini juga dilengkapi dengan peralatan seperti televisyen, pembesar suara dan mikrofon untuk aktiviti yang melibatkan konferensi atau perbincangan atas talian dan juga mesyuarat oleh pensyarah fakulti. Selain itu, Bilik RENOCAN juga digunakan sebagai tempat untuk mengadakan program FBM UiTM International Series pada setiap bulan. Untuk Pengoperasian bilik RENOCAN, pengguna hendaklah membuat tempahan melalui sistem *Booking UiTM* (BSU) yang akan diluluskan oleh Penolong Jurutera fakulti.

SENARAI BUKTI :

1. [F0023_O01_OB03_20231_Jadual 6.3.1 Senarai Bengkel Penerbitan dan Penerbitan Yang Dijalankan Sepanjang Tahun 2022.pdf](#)
2. [F0023_O01_OB03_20232_Gambar Rajah 6.3.2 Tatacara Pendaftaran Bengkel di dalam Sistem FB MIS-HRIS.pdf](#)
3. [F0023_O01_OB03_20233_Gambar Rajah 6.3.3 Proses Pengoperasian Special Issue.pdf](#)
4. [F0023_O01_OB03_20234_Gambar Rajah 6.3.4 Jurnal-jurnal terlibat dalam Special Issue.pdf](#)
5. [F0023_O01_OB03_20235_Gambar Rajah 6.3.5 Pengoperasian Permohonan Insentif Penerbitan tahun 2022.pdf](#)
6. [F0023_O01_OB03_20234_Gambar Rajah 6.3.4 Jurnal-jurnal terlibat dalam Special Issue.pdf](#)
7. [F0023_O01_OB03_20235_Gambar Rajah 6.3.5 Pengoperasian Permohonan Insentif Penerbitan tahun 2022.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

6.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Pemantauan ke atas aktiviti- aktiviti yang telah dirancang pada tahun 2022 telah dilakukan dari masa ke semasa. Antara mekanisme pemantauan yang digunakan adalah memberi laporan secara khusus mengenai penyelidikan, penerbitan, dan pengkomersilan dalam Mesyuarat Akademik Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Mesyuarat Pengurusan Dalaman dan Mesyuarat Jawatankuasa Penyelidikan Fakulti.

Selain itu, fakulti juga melaksanakan **pemantauan kepada soalan-soalan kaji selidik** melalui *Research Ethics Committee* (REC) yang dikendalikan oleh RENOVA. Email akan dihantar pada setiap bulan sebagai peringatan kepada penyelidik yang ingin menggunakan soal selidik sebagai kaedah pengumpulan data supaya memeriksa kandungan soalan melalui REC. Hanya soalan kaji selidik yang tidak bercanggah dengan sensitiviti kemanusiaan akan diluluskan. Bukti email pemakluman boleh dirujuk pada gambar rajah 6.4.1.1.

Bagi memantapkan lagi pemantauan geran penyelidikan, **sistem FB MIS-RIIS** fakulti juga digunakan oleh pihak pengurusan tertinggi untuk memantau pelaporan dan kemajuan geran ahli fakulti. Gambar rajah sistem dilampirkan pada 6.4.1.2. Laporan kemajuan geran penyelidikan bertujuan untuk menilai prestasi pencapaian penyelidikan dan prestasi perbelanjaan kewangan sepanjang tempoh geran yang berstatus aktif bagi FBM. Ketua penyelidik perlu menghantar laporan kemajuan melalui *google form* bagi geran dalaman fakulti. Koordinator Geran telah dilantik untuk memantau geran-geran aktif melalui sistem IRES. Pemantauan penghantaran laporan dibuat secara berkala iaitu setiap enam bulan. Bagi pemegang geran dana dalaman fakulti, ketua penyelidik atau ahli-ahli penyelidik akan dipanggil untuk membentangkan prestasi geran mereka di mesyuarat Jawatankuasa Penyelidikan Fakulti (JPF). Mesyuarat pembentangan dilakukan pada setiap bulan. Bagi penerima geran yang tidak mengemaskini laporan berkala, peringatan akan dibuat melalui email dan aplikasi *WhatsApp* yang mengarahkan ketua penyelidik untuk mengemaskini laporan tersebut. Contoh email pemakluman boleh dirujuk dalam gambar rajah 6.4.1.3.

Pengguna sistem FB MIS-RIIS ini telah terbukti mampu membantu FPP dalam proses operasi. Kejayaan sistem ini di dalam Pertandingan Kecemerlangan Operasi menekankan penjimatan dari segi sumber manusia, masa dan kos kewangan (Gambar Rajah 6.4.1.2 dan Gambar Rajah 6.4.1.3).

Bagi pemantauan penerbitan pula, pemantauan dibuat melalui **laporan penerbitan oleh pihak RENEU, UiTM**, di mana pihak RENEU akan mengeluarkan senarai nama pensyarah yang tidak menerbitkan artikel sebagai corresponding author dalam jurnal berindeks pada tahun 2021. Nama pensyarah yang terlibat akan di masukkan di dalam senarai peserta MEE untuk diberi peluang penerbitan pada tahun seterusnya. FPP juga mengadakan sesi pemantauan sekurang-kurangnya sekali setahun untuk memastikan pensyarah menerbitkan artikel pada tahun tersebut. Bukti pemantauan boleh dirujuk pada gambar rajah 6.4.1.4.

SENARAI BUKTI:

1. [F0023_O01_OB04_OC01_20231_Gambar Rajah 6.4.1.1 & Gambar Rajah 6.4.1.2.pdf](#)
2. [F0023_O01_OB04_OC01_20232_Gambar Rajah 6.4.1.3 & Gambar Rajah 6.4.1.4.pdf](#)
3. [F0023_O01_OB04_OC01_20233_Gambar Rajah 6.4.1.2 Pencapaian FB MIS-RIIS di OE 2021.pdf](#)
4. [F0023_O01_OB04_OC01_20234_Gambar Rajah 6.4.1.3 FB MIS-RIIS di OE 2021 '.pdf](#)
5. [F0023_O01_OB04_OC01_20235_Gambar Rajah 6.4.1.5 Medium Kemaskini MyRA.pdf](#)

6.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Terdapat beberapa risiko yang menjadi halangan dalam mencapai Indikator Prestasi Utama (KPI) dan objektif sasaran FPP yang ditetapkan. Antara risiko yang dapat dikenalpasti adalah **kualiti kertas cadangan penyelidikan yang kurang memuaskan**. Kualiti kertas cadangan penyelidikan memainkan peranan penting dalam mendapatkan kelulusan untuk penerbitan jurnal atau permohonan geran penyelidikan. Kekurangan dalam kualiti ini dapat mengakibatkan **penolakan penerbitan jurnal atau penolakan permohonan geran**. Untuk mengatasi risiko ini, FPP perlu memberikan sokongan kepada pensyarah untuk meningkatkan kualiti penyelidikan mereka melalui kritikan konstruktif, dan pembinaan keupayaan dalam penulisan penyelidikan. Gambar Rajah 6.4.2.1 menunjukkan jumlah permohonan FRGS dari pensyarah FBM pada tahun 2022 dan juga yang berjaya memperoleh geran tersebut. Pada tahun 2022 iaitu sebanyak 5 orang daripada 32 permohonan daripada pensyarah FPP yang berjaya memperoleh geran FRGS.

Pengurangan jumlah ketua penyelidik dapat memberi impak negatif terhadap jumlah dan kualiti penyelidikan yang dijalankan. Kurangnya kepimpinan dalam projek penyelidikan boleh menghalang pencapaian matlamat dan memberi kesan kepada jumlah penerbitan dan kejayaan permohonan geran. Dalam kes ini, langkah-langkah perlu diambil untuk memastikan kelestarian kepimpinan dalam projek-projek penyelidikan dan pemantauan kualiti projek yang sedang berjalan.

Prestasi pensyarah dalam penerbitan merupakan faktor penting dalam mencapai KPI. Prestasi ini melibatkan kualiti dan kuantiti penerbitan dalam jurnal-jurnal berkualiti tinggi. Jika pensyarah menghadapi kesukaran dalam memenuhi standard ini, FPP menyediakan sokongan dalam bentuk bimbingan, sumber daya, dan latihan untuk meningkatkan kemahiran penulisan dan keupayaan penyelidikan.

SENARAI BUKTI :

1. [F0023_O01_OB04_OC02_20231_Gambar Rajah 6.4.2.1 Sjl Penghargaan Penyedia Kertas Cadangan FRGS dan Senarai Berjaya.pdf](#)
2. [F0023_O01_OB04_OC02_20232_Gambar Rajah 6.4.2.2 Surat Kelulusan.pdf](#)
- 3.
- 4.

6.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Tindakan penambahbaikan telah diambil oleh FPP untuk memastikan pencapaian KPI dan objektif sasaran Unit Penyelidikan dan Jaringan Industri FPP. Dalam memastikan jaminan kualiti kertas cadangan yang diserahkan dalam permohonan geran, RENOVA telah mengadakan dua aktiviti, iaitu **Bengkel Revisit FRGS dan Erasmus+ Call for Proposal Clinic** bagi memberikan bimbingan kepada staf fakulti dalam meningkatkan peratusan penerimaan geran dan kualiti kertas cadangan. Contoh bengkel adalah bengkel **Erasmus+** seperti di dalam gambar rajah 6.4.3.1. Bengkel- bengkel ini dianjurkan mendapat sambutan yang baik dari pensyarah. Ini dapat dibuktikan apabila ramai pensyarah yang menyertai bengkel bertujuan untuk memberi pendedahan dan pemindahan pengetahuan kepada staf fakulti mengenai penyediaan kertas cadangan berkualiti termasuk tips penerbitan dan panduan dalam permohonan geran samada kebangsaan atau antarabangsa. Selain itu, bagi memastikan kualiti dan mencegah jumlah kadar kertas cadangan ditolak, **kertas cadangan akan dimurnikan dan dipertingkatkan berdasarkan maklumbalas yang diberikan oleh pakar penilai.**

Salah satu pencapaian penting yang diberi penekanan oleh universiti dan juga fakulti ialah jumlah penyelidik utama (*PI*) untuk geran penyelidikan. Perolehan geran tetap adalah penggerak dalam penyelidikan. Penetapan sasaran ini telah membentuk satu strategi dari RENOVA iaitu dengan mencipta kempen **1 Staf Akademik, 1 Geran Penyelidikan**. Melalui peruntukan dana dari sumber dalaman dan luaran, setiap pensyarah telah diberi peluang untuk mengetuai mana-mana geran dalam menyerlahkan sifat kepimpinan terutamanya dalam pengurusan geran penyelidikan. Strategi yang diaturkan oleh unit RENOVA FPP telah membantu dalam mengurangkan risiko pengurangan jumlah *PI* serta mencapai objektif geran penyelidikan yang telah ditetapkan oleh universiti dan juga fakulti.

Program MEE telah diwujudkan sebagai strategi untuk mengurangkan risiko staf fakulti tidak memiliki sebarang penerbitan pada tahun 2022 terutamanya sebagai *corresponding author*. Pensyarah yang telah disenaraikan untuk menyertai program MEE ini akan diberi bimbingan oleh **mentor** yang dilantik oleh RENOVA. RENOVA telah melantik penulis-penulis prolific sebagai mentor kepada peserta MEE untuk membantu mereka menerbitkan satu artikel sebagai *corresponding author* dan seterusnya mencapai KPI dan pembangunan kerjaya sebagai staf akademik pada tahun tersebut. Antara mentor yang dilantik boleh dirujuk pada gambar rajah 6.4.3.2 dan Jadual 6.4.3.3 Sesi '*Research Mentor*' bersama Mentee.

Peserta MEE juga diberi peluang untuk menerbitkan artikel di dalam *special issue* tiga jurnal iaitu Advances in Business Research International Journal (ABRIJ), Journal of International Business, Economics and Entrepreneurship (JIBE), dan juga Empirical Economics Letters (EEL). Ini bagi memberi ransangan kepada mereka untuk terus menulis dan memastikan penulisan mereka diterbitkan di dalam jurnal berindex. Memo berkaitan dengan pemakluman ini dibuktikan di dalam Gambar rajah 6.4.3.4. Dengan adanya inisiatif ini, ianya dapat meningkatkan lagi penerbitan pensyarah di atas bantuan pensyarah di bawah Trek Penyelidikan (Gambar Rajah 6.4.3.5)

SENARAI BUKTI :

1. [F0023_O01_OB04_OC03_20231_Gambar Rajah 6.4.3.1 Bengkel Revisit Your FRGS.pdf](#)
2. [F0023_O01_OB04_OC03_20232_Gambar Rajah 6.4.3.2 Jadual sesi penulisan bersama mentor.pdf](#)
3. [F0023_O01_OB04_OC03_20233_Gambar Rajah 6.4.3.3 FBM 'Resarch Mentors'.pdf](#)
4. [F0023_O01_OB04_OC03_20234_Gambar Rajah 6.4.3.4 - Maklumat Konferensi, Penerbitan dan Inovasi.pdf](#)
5. [F0023_O01_OB04_OC03_20235_Gambar Rajah 6.4.3.5 Senarai Pensyarah Trek Penyelidikan.pdf](#)

6.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Dalam membudayakan pengiktirafan terhadap aktiviti penerbitan dan penyelidikan di kalangan staf fakulti, unit RENOVA telah mengeluarkan **surat perlantikan dan surat penghargaan** sebagai tanda menghargai dan sokongan terhadap penglibatan pensyarah dalam permohonan geran. Sebagai contoh, bagi permohonan geran FRGS, Ketua Penyelidik dan ahli-ahli yang berhasil menghantar kertas cadangan hingga selesai pembetulan di peringkat UiTM dan kemudian permohonannya dihantar ke Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) melalui sistem MyGrants akan menerima surat perlantikan dan surat penghargaan (Gambar Rajah 6.5.1). Selain itu, **penghargaan ini dihebahkan melalui email dan media sosial seperti laman Facebook (FBMUITM) dan Instagram FPP** untuk memberi galakan dan dokongan mengenai sumbangan mereka dalam bidang penyelidikan dan penerbitan. Di samping itu, RENOVA juga menganjurkan satu majlis penghargaan dinamakan sebagai **Jewel in the Crown** bertujuan untuk melonjakkan lagi pengiktirafan kepada pensyarah FPP. Majlis ini akan diadakan pada setiap tahun (Gambar Rajah 6.5.2).

RENOVA juga berjaya menyemarakkan budaya penyelidikan dan penerbitan berindeks dikalangan pensyarah. Ini dapat dibuktikan melalui jumlah dana penyelidikan daripada geran nasional dan antarabangsa. Selain daripada itu, untuk menggalakkan budaya amalan penulisan di kalangan pensyarah, RENOVA telah mewujudkan inisiatif **Friday is FBM Writing Day**, di mana pada setiap hari Jumaat pensyarah digalakkan untuk memberi tumpuan kepada aktiviti penulisan dan penyelidikan. Pembudayaan ini dapat memberi ruang dan masa kepada pensyarah menumpu perhatian kepada aktiviti penulisan dan penyelidikan. Email dan poster akan dihebahkan kepada semua pensyarah melalui media sosial *facebook* dan *instagram*, juga aplikasi *whatsapp* (Gambar Rajah 6.5.3).

SENARAI BUKTI :

1. [F0023_O01_OB05_20231_Gambar Rajah 6.5.1 Sijil Penghargaan Kepada Penyedia Kertas Cadangan FGRS.pdf](#)
2. [F0023_O01_OB05_20232_Gambar Rajah 6.5.2 Majlis Apresiasi Jewel in the Crown.pdf](#)
3. [F0023_O01_OB05_20233_Gambar Rajah 6.5.3 Pembudayaan Aktiviti Penulisan.pdf](#)
- 4.

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.1 HASIL UTAMA 1

Hasil Perancangan Strategik:

Perancangan Strategik Memacu Kecemerlangan FPP

7.1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

FPP mendokong aspirasi UiTM untuk menjadi universiti terkemuka dunia dengan mengguguli pencapaian KPI melalui pelaksanaan Pelan Perancangan Strategik FPP (2021- 2025). Pelan ini telah dibangunkan secara holistik, dinamik dan merangkumi pelbagai dimensi supaya selari dengan hasrat FPP untuk melakar nama di peta dunia.

Pelan Tindakan Strategik FPP telah dibangunkan dengan sistematik dan efisien dipacu oleh Model *#FBMAwesome* dengan mewujudkan 3 teras utama iaitu Teras Strategik 1 iaitu Pendidikan Berkualiti, Teras Strategik 2 iaitu Kecemerlangan Global dan Teras Strategik 3 iaitu Prestasi Berorientasikan Nilai yang telah diperincikan dalam Kriteria 2.

Melalui Pelan Tindakan Strategik di bawah teras 3, FPP menyahut aspirasi tersebut dengan merangka dan membangunkan beberapa projek utama yang bertujuan untuk memperkasakan potensi pensyarah serta memantapkan kepakaran mereka dalam aktiviti **Penyelidikan & Penerbitan dan Pengkomersilan (3P)**. **Pelan Tindakan Strategik ini juga telah dibuat pemetaan dan penetapan yang teratur, sistematik, dan realistik bagi memastikan semua KPI di bawah RENOVA tercapai dengan cemerlang.**

Di dalam bahagian hasil ini, sebanyak 17 projek yang telah dibuat pemetaan untuk menyokong pencapaian bagi inisiatif 1) MEE (Rising Stars), 2) One Staff One Grant, 3) Research Beyond Boundaries untuk melihat hasil yang tercapai melalui pemetaan ini. Projek-projek yang telah dirangka antaranya adalah seperti berikut:

1. *Publication Incentive*
2. *3 Special Issue in Era Indexed Journal*
3. *1 Special issue in SCOPUS Journal*
4. *Indexed Conference Incentive*
5. *QS by Ranking Publication Incentive*
6. *Workshop series: from dissertation to article*
7. *Matching grant with foreign universities*
8. *Management writing boot camp – for writing and publishing*

Kesemua projek telah berjaya membantu FPP mencapai 16 PI yang ditetapkan dibawah RENOVA. Di samping itu, projek-projek ini juga telah berjaya meningkatkan ketampakan pensyarah FPP melalui hasil penyelidikan dan penerbitan yang berimpak tinggi yang seterusnya telah melonjak penarafan QS World University Ranking (WUR) dan skor MyRA. Kecemerlangan pensyarah FPP juga dapat dilihat melalui jalinan kerjasama bersama rakan industri dan rakan antarabangsa dalam aktiviti penyelidikan dan penerbitan juga peluang untuk menjana pendapatan. Hasil daripada keberkesanan perancangan strategik yang mantap FPP telah berjaya mengguguli beberapa pencapaian dan kejayaan seperti yang dinyatakan.

Buktinya pada tahun 2022, FPP mengumpul sejumlah RM1,936,960geran penyelidikan dari Industri dan antarabangsa bagi menjayakan agenda penyelidikan dan penjanaan universiti.

Sumbangan endowmen dari pihak industri berjumlah RM1,373,000 juga menyumbang kepada penjana pendapatan universiti hasil kerjasama strategik staf FPP bersama rakan industri.

Pelaksanaan Pelan Perancangan Strategik yang sistematik dan berkesan membuktikan pencapaian FPP melebihi sasaran tahunan pelaporan. **Semua aktiviti dan projek yang dirangka ini telah berjaya melibatkan penglibatan sepenuhnya warga FPP dan seterusnya menjadi amalan dan budaya kerja mereka.** Kejayaan mencapai KPI yang ditetapkan oleh university juga menunjukkan pentingnya sinergi di antara pensyarah dan staf pentadbiran meskipun diketahui skop kerja dua kategori ini berbeza, namun kedua-duanya penting dalam menyumbang pencapaian FPP.

Secara keseluruhannya, Pelan Perancangan Strategik yang bersifat holistik, dinamik dan berdaya saing adalah nadi utama kepada kejayaan FPP yang dipacu oleh budaya kerja kelas pertama warganya.

7.1.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [H1_F0023_HB02_20231_7.1.2 TAHAP.pdf](#)

7.1.3 TREN (Trend)

BUKTI : [H1_F0023_HB03_20232_Gambar Rajah 7.1.3.pdf](#)

7.1.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [H1_F0023_HB04_20233_Gambar Rajah 7.1.4.pdf](#)

7.1.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [H1_F0023_HB05_20234_Gambar Rajah 7.1.5.pdf](#)

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.2 HASIL UTAMA 2

Hasil Tumpuan Kepada Operasi: Tadbir Urus Tangkas Memperkasa 3P FPP

Memperkasakan hasil penerbitan yang memberi impak signifikan untuk merangsang peningkatan skor MyRA. Kecemerlangan staf akademik dalam mencapai jumlah Ketua Penyelidik (PI) bagi Geran Penyelidikan Antarabangsa dan memeterai Memorandum Kerjasama (MOC) dalam memperkasakan bidang penyelidikan serta memperluaskan jaringan kerjasama.

7.2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Dalam mengukuhkan usaha dalam bidang penyelidikan dan penerbitan berimpak tinggi, FPP telah merancang, melaksanakan dan membuat pemantauan secara berterusan seperti yang telah diperincikan dalam kriteria 6. Di dalam bahagian hasil ini, **tiga (3) tema kejayaan FPP diperkasakan** seperti berikut::

- 1) Memperkasakan hasil penerbitan** yang memberi **impak signifikan** untuk merangsang peningkatan skor MyRA dan pencapaian universiti.
- 2) Kecemerlangan staf akademik** dalam **mencapai jumlah Ketua Penyelidik (PI)** bagi **Geran Penyelidikan Antarabangsa** yang dibiaya
- 3) FPP melakar sejarah dengan memeterai Memorandum Kerjasama (MOC)** dalam **memperkasakan bidang penyelidikan serta memperluaskan jaringan kerjasama.**

Hasil daripada tema ini telah membuktikan **FPP** komited dalam **mendukung agenda UiTM2025** dan memastikan UiTM kekal relevan di peringkat nasional dan global

7.2.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [H2_F0023_HB02_20231_7.2.2 TAHAP.pdf](#)

7.2.3 TREN (Trend)

BUKTI : [H2_F0023_HB03_20232_7.2.3 TREN.pdf](#)

7.2.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [H2_F0023_HB04_20233_7.2.4 PERBANDINGAN.pdf](#)

7.2.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [H2_F0023_HB05_20234_7.2.5 KEPENTINGAN.pdf](#)

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.3 HASIL UTAMA 3

Keberkesanan Kos Penyelidikan dan Penerbitan Melalui Penggunaan Sistem FBMIS (R.I.I.S. – akses MyRA; H.R.I.S. – sumber manusia), Peruntukan Geran Penyelidikan DDF, **Pulangan Pelaburan** Melalui Penganjuran Konferensi Akademik dan Inovasi (keuangan) dan Penerbitan Artikel Berindeks Tinggi (bukan kewangan), serta **Penjanaaan Pendapatan** Melalui Aktiviti Perundingan dan Konsultasi kepada Pihak Luar

7.3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Prestasi **Hasil Kewangan (HK) Fakulti Pengurusan Perniagaan (FPP)** amatlah penting bagi menunjukkan keupayaan dalam menghasilkan **penyelidikan** yang berkualiti tinggi, menganjurkan **konferensi akademik** bertaraf antarabangsa, serta memberikan khidmat **perundingan** yang **berwibawa tanpa bergantung sepenuhnya kepada dana kerajaan**. Usaha penyelidikan di **FPP** adalah untuk meningkatkan bukan sahaja martabat staf akademik yang holistik, dinamik dan berdaya saing di peringkat antarabangsa malah ia adalah selari dengan **matlamat UiTM** untuk muncul sebagai **universiti terkemuka dunia** menjelang **2025**. **HK** untuk **FPP** mempunyai **tiga (3) komponen utama**:

- 1) “**Keberkesanan Kos**” dilihat dari sudut **3P** di bawah seliaan **RENOVA** dengan **bantuan geran DDF dan menggunakan sistem FBMIS – sistem R.I.I.S. untuk MyRA dan sistem H.R.I.S. untuk sumber manusia**.
- 2) “**Pulangan Pelaburan**” dalam bentuk *kewangan* hasil penganjuran Konferensi Akademik (**ABRIC, OISMIC, MACFEA**) serta Inovasi dan Pengkomersilan (**VIIC**). **Pulangan** dalam bentuk *bukan kewangan* merujuk kepada hasil penerbitan artikel dalam jurnal berindeks tinggi.
- 3) **Penjanaaan Pendapatan** melalui aktiviti perundingan kepada pihak luar.

Ketiga-tiga komponen di atas mengintegrasikan **penyelidikan, penerbitan dan perkomersilan (3P)** serta **khidmat perundingan** oleh staf FPP dari pelbagai bidang akademik berteraskan model **#FBMAwesome** yang telah menjadi budaya fakulti untuk sentiasa muncul sebagai fakulti terhebat. Bagi **HK** ini, ketiga-tiga kejayaan komponen ditonjolkan untuk mempamerkan kecekapan **FPP** menjana kewangan yang sistematik bagi aktiviti **3P** tanpa bergantung kepada dana kerajaan sepenuhnya namun masih mampu mengekalkan **kehebatan dan keunggulan prestasi FPP**.

Komponen pertama, **Keberkesanan Kos** merujuk keseluruhan bajet bagi aktiviti **3P** bagi **FPP** yang dikawal selia secara berkala dan cekap oleh Research and Innovation (**RENOVA**) Unit. Pihak Pengurusan FPP telah berusaha gigih dalam mempelbagaikan aktiviti penyelidikan, penerbitan, dan inovasi bagi menjamin pelaburan mendapat impak yang positif dari segi penglibatan pensyarah FPP serta pulangan pelaburan mencapai sasaran. Sistem MyRa (Malaysian Research Assessment) adalah instrumen yang digunapakai oleh Institusi Pendidikan Tinggi (**IPT**) bagi mengukur hasil dan impak **3P**.

Komponen kedua, **Pulangan Pelaburan** diukur dalam bentuk kewangan dan bukan kewangan. Bagi **Pulangan Berbentuk Kewangan**, hasilnya dilihat dari sudut seperti pulangan pelaburan hasil penganjuran Konferensi Akademik seperti **ABRIC** (*Advances in Business Research International Conference*), **OISMIC** (*Organizational and Information Systems Management International Conference*), dan **MACFEA** (*Malaysia Consumer and Family Economy Association*) serta Inovasi dan Pengkomersialan iaitu **VIIC** (*Virtual Innovation and Invention of Ideas Competition*). Hasrat ini berjaya dicapai hasil **kepakaran pensyarah FPP** yang menganjurkan konferensi serta perundingan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Manakala, bagi **Pulangan Berbentuk Bukan Kewangan**, hasil dapat dilihat dari sudut

kejayaan penyeduk FPP menerbitkan artikel dalam jurnal berindeks tinggi seperti SCOPUS, WoS (*Web of Science*), dan ERA (*Excellence of Research in Australia*).

Komponen ketiga, **Penjanaan Pendapatan** yang diperolehi FPP melalui aktiviti **Perundingan**. Keterlibatan **staf FPP** di dalam aktiviti perundingan dengan pihak luar turut membantu FPP agar lebih “*visible*” dan telah melonjakkan nama UiTM di peringkat nasional.

Kemampuan **HK** dari tiga komponen tersebut amat bertepatan dengan **perkara lima (5) daripada sepuluh (10) Lonjakan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pengajian Tinggi)** yang disarankan **KPT dalam RMKe-12**, iaitu **berusaha menjana pendapatan bagi mengurangkan kebergantungan dana kewangan kerajaan**. Impaknya, **FPP telah berjaya menjana pendapatan sendiri** melalui aktiviti **3P** dan ia adalah selari dengan aspirasi UiTM ke arah organisasi yang lestari.

7.3.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [H3_F0023_HB02_20231_7.3.2 TAHAP.pdf](#)

7.3.3 TREN (Trend)

BUKTI : [H3_F0023_HB03_20232_7.3.3 TREN.pdf](#)

7.3.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [H3_F0023_HB04_20233_7.3.4 PERBANDINGAN.pdf](#)

7.3.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [H3_F0023_HB05_20234_7.3.5 KEPENTINGAN.pdf](#)